

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
MATA PELAJARAN ALIRAN KEMAHIRAN

PENDIDIKAN MORAL

TINGKATAN 5

ALIRAN KEMAHIRAN



PENULIS

ABDUL PABIL BIN ADAM
BADRIYATUN BINTI KAMAR
ZAHARIAH BINTI KANIS

EDITOR

NORFADHILAH BINTI MAHDI
FAZILAH BINTI MOHAMEDENI



PEREKA BENTUK

MOHD ASHWAD BIN IDRIS
RABIATUL ADAWIYAH BINTI OTHMAN



ILUSTRATOR

AMIZA BIN ABDUL HADI



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0087

KK 370-221-0102011-49-2880-30101

ISBN 978-983-49-2880-3

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Attin Press (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Sasyaz Holding Sdn. Bhd.,

No. 29, Jalan PJU 3/48,

Sunway Damansara Technology Park,

47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Luar Negeri Malaysia (KLN)
- Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN)
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Parlimen Malaysia
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
- Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO)
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- Malaysian Medical Relief Society (MERCY)
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur
- Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia, Kuala Lumpur
- Institut Perguruan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan
- Kolej Vokasional Keningau, Sabah
- Kolej Vokasional Taiping, Perak
- Kolej Vokasional Langkawi, Kedah
- Kolej Vokasional Klang, Selangor
- SMK St. Joseph, Miri, Sarawak
- SMK Taman Seraya, Ampang, Selangor
- SMK Datok Lokman, Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Pendahuluan	v	
Penerangan Ikon	vi	
BIDANG 5	INSAN BERMORAL	
UNIT 1	Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Hidup Sejahter	2
UNIT 2	Individu Glokal Pemangkin Ekonomi Negara	14
UNIT 3	Kerohanian Membentuk Individu Bermoral	26
UNIT 4	Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara Beretika	38
BIDANG 6	JATI DIRI MORAL	
UNIT 5	Integriti dalam Organisasi Wadah Pemangkin Ekonomi	52
UNIT 6	Berperikemanusiaan demi Kesejahteraan Sejahter	64
BIDANG 7	MORAL DAN KENEGARAAN	
UNIT 7	Warganegara Bertanggungjawab Negara Sejahter	76
UNIT 8	Perpaduan Membawa Kesejahteraan kepada Malaysia	88
UNIT 9	Cakna Kewangan	100
UNIT 10	Meningkatkan Pengiktirafan Dunia terhadap Negara	112
UNIT 11	Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa	124
Glosari	136	
Senarai Rujukan	137	
Indeks	138	

PENDAHULUAN



Buku teks *Pendidikan Moral Aliran Kemahiran Tingkatan 5* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Aliran Kemahiran Tingkatan 5, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Aliran Kemahiran (MPAK). Buku ini berteraskan matlamat KSSM Pendidikan Moral Aliran Kemahiran, iaitu untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral serta dapat memberikan sumbangan kepada perpaduan, kesejahteraan negara dan masyarakat global.

Buku teks ini berfokus pada tiga bidang pembelajaran, iaitu bidang Insan Bermoral, Jati Diri Moral serta Moral dan Kenegaraan. Bidang-bidang ini dibahagikan kepada 11 unit. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, setiap unit mengandungi Halaman Rangsangan, Konsep,

Pengukuhan, Pengayaan, Pemulihan dan Penilaian.

Bersesuaian dengan ciri Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), buku teks ini menjadikan aktiviti belajar menjadi lebih aktif, mencabar kreativiti dan kemahiran berfikir serta menyeronokkan. Sehubungan dengan itu, setiap unit dalam buku teks ini mengandungi aktiviti amali dan pelbagai aktiviti PAK-21 yang dapat memberikan ruang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif, berfikiran kritis, kreatif dan mengamalkan nilai murni.

Guru boleh mengubah suai aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid serta prasarana sekolah masing-masing. Buku ini juga menerapkan pelbagai kemahiran seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Penyelesaian Konflik dan Kemahiran Kreativiti. Elemen Pendidikan Kewangan juga diterapkan dalam buku ini supaya murid dapat membuat keputusan pengurusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan secara berhemat dan bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal kewangan pada masa depan.

Akhir kata, penulis berharap agar buku ini dapat memberikan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran kepada murid. Selain itu, kandungan buku ini juga dapat melahirkan murid yang berupaya menghayati dan mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti dalam kehidupan.

**Abdul Pabil bin Adam
Badriyatun binti Kamar
Zahariah binti Kanis**

PENERANGAN IKON

Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, buku ini disusun mengikut beberapa bahagian yang diwakili oleh ikon tertentu. Ikon yang digunakan bersifat mesra murid dan dapat menarik perhatian mereka semasa menggunakan buku ini. Penerangan ikon-ikon tersebut adalah seperti yang berikut:



KONSEP

Halaman ini menyediakan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan dengan topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.



Aplikasi ini mengandungi maklumat tambahan yang menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D dan 3D. Aplikasi *AR DBP Pendidikan Moral Aliran Kemahiran Tingkatan 5* boleh dimuat turun daripada aplikasi *Play Store* dan aplikasi *App Store*.



PENGUKUHAN

Halaman pengukuhan bertujuan untuk memantapkan pemahaman dan penguasaan murid tentang topik-topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.



Info ialah maklumat tambahan untuk memberikan pengetahuan kepada murid.



DILEMA MORAL

Ikon ini menggambarkan situasi moral yang memerlukan murid membuat pilihan serta mengambil tindakan yang patut dan wajar.



PENGAYAAN

Halaman pengayaan mengandungi kepelbagaian aktiviti untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran murid dalam topik berkenaan.



Kod QR mengandungi maklumat tambahan yang boleh diakses melalui peranti semasa.



KBAT ialah soalan berbentuk aras tinggi yang menguji keupayaan murid berfikir.



PEMULIHAN

Halaman pemulihan untuk membantu murid memahami kandungan topik dengan aktiviti yang lebih mudah.



PENILAIAN

Halaman ini bertujuan untuk menguji tahap pemahaman dan penguasaan murid dalam unit berkenaan.



REFLEKSI

Refleksi ialah aktiviti yang membolehkan murid memberikan maklum balas berdasarkan pengalaman mereka.


BIDANG 5

INSAN BERMORAL



BIDANG 6

JATI DIRI MORAL



PENDIDIKAN MORAL

ALIRAN KEMAHIRAN

TINGKATAN 5

BIDANG 7

MORAL DAN KENEGARAAN



NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN HIDUP SEJAGAT



Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud norma masyarakat global.
- menjelaskan cara menghormati norma masyarakat global.
- menghuraikan kepentingan menghormati norma masyarakat global.
- mengekspresikan perasaan apabila menghargai kepelbagaian norma masyarakat global.
- mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian.

Benarkah norma masyarakat tempatan mempengaruhi norma masyarakat global?

Cadangan Nilai

- Hemah tinggi
- Hormat
- Kerjasama
- Toleransi



Norma ialah perlakuan yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat yang membentuk peraturan sosial, diterima dan dikongsi bersama. Norma juga menjadi panduan individu bertingkah laku dalam masyarakat. Yang berikut merupakan maksud norma masyarakat global:

Norma Masyarakat Global



Persamaan perlakuan yang ditunjukkan oleh masyarakat global



Perlakuan yang tidak terbatas kepada sesuatu masyarakat global



Peraturan sosial yang menjadi panduan masyarakat global



Perlakuan yang berasaskan nilai universal dan sejagat



Perlakuan yang diakui, diterima serta dikongsi oleh manusia sejagat



Perkongsian pemikiran melangkaui batas sempadan

Cara menghormati norma masyarakat global dan contoh amalannya adalah seperti yang berikut:

Adab di Meja Makan

1. Menyesuaikan diri dengan adab makan pelbagai masyarakat
2. Menghargai makanan yang dihidangkan
3. Memahami sensitiviti tetamu yang hadir

Upacara Keagamaan

1. Bertoleransi terhadap pelbagai upacara keagamaan atau kepercayaan
2. Menghormati perbezaan agama atau kepercayaan
3. Tidak menghina agama atau kepercayaan lain

Cara Menghormati Norma Masyarakat Global

Penjagaan Alam Sekitar

1. Memelihara dan memulihara kelestarian flora dan fauna
2. Mengutamakan kebersihan persekitaran
3. Menggalakkan penggunaan tenaga mesra alam

Sambutan Perayaan

1. Memenuhi undangan sesuatu perayaan
2. Beramah mesra antara satu sama lain
3. Memberikan ucapan mesra bersempena dengan sambutan perayaan

Setiap masyarakat setempat mempunyai amalan norma tersendiri. Terdapat amalan norma tersebut yang diterima oleh masyarakat global. Oleh itu, kita patut menghormati amalan norma terpuji tersebut.

Keperluan Menghormati Norma Masyarakat Global

Mengelakkan Perselisihan Faham

1. Membentuk sikap saling menghormati antara satu sama lain
2. Menjauhi sikap prasangka terhadap amalan norma masyarakat lain

Memupuk Sifat Kemanusiaan yang Tinggi

1. Membentuk masyarakat yang saling membantu tanpa mengambil kira batas sempadan
2. Mewujudkan sokongan kemanusiaan merentas negara

Memastikan Kehidupan yang Harmoni

1. Menyesuaikan diri dengan norma masyarakat lain
2. Bertindak wajar mengikut situasi masyarakat global

Meningkatkan Amalan Nilai Universal

1. Berkongsi dan mengamalkan amalan nilai murni yang sama
2. Berkongsi pemikiran selaras dengan nilai sejagat



Kita pasti akan gembira apabila dapat menghormati amalan norma masyarakat global. Hal ini dapat dilakukan dalam pelbagai situasi dan tempat tanpa melihat pegangan agama atau kepercayaan, kaum dan kewarganegaraan secara tekal.

- A. Terdapat segelintir masyarakat global yang melanggar norma kelestarian alam dengan melakukan pembakaran hutan secara terbuka. Bincangkan situasi yang diberikan dan jawab soalan di bawah.



Kebakaran hutan

Tujuan Pembakaran	Sebab Bantahan Luar
Penanaman semula	Mengekalkan kelestarian alam
Mengurangkan kos pembersihan	Mengurangkan pencemaran alam sekitar
Pembukaan tanah baharu	Memastikan udara segar yang berterusan

1. Bagaimanakah norma kelestarian alam dapat dihormati dan dilindungi demi kepentingan masyarakat setempat?
2. Jelaskan manfaat yang diperoleh sekiranya norma kelestarian alam dihormati oleh masyarakat global.



Jika anda pemimpin, bagaimanakah anda menghadapi situasi pembakaran hutan secara terbuka?

B. Makanan eksotik ialah makanan luar biasa yang dianggap istimewa bagi sesuatu masyarakat. Mereka percaya makanan ini mempunyai kelebihan luar biasa. Sebagai masyarakat global yang memiliki kepelbagaian budaya dan agama, kita seharusnya menghormati pilihan norma makanan mereka. Berdasarkan maklumat yang diberikan, jawab soalan di bawah.



Hidangan Mata Ikan Tuna

- Hidangan ini terkenal dalam kalangan masyarakat Jepun
- Mata ikan tuna bersaiz besar

Hidangan Ulat Sagu

- Hidangan eksotik ini terkenal di beberapa buah negeri di Malaysia
- Hidangan ini juga terkenal di beberapa buah negara di Asia Tenggara



Hidangan Serangga Goreng

- Hidangan ini terkenal sebagai makanan ringan di Thailand
- Hidangan ini digemari oleh masyarakat Thailand



1. Bagaimanakah anda menghormati amalan norma makanan masyarakat mereka sekiranya makanan itu dihidangkan kepada anda?
2. Sekiranya anda cef, nyatakan pendapat anda apabila dikehendaki menyediakan makanan eksotik tersebut.
3. Cari maklumat tentang keistimewaan makanan eksotik yang diamalkan oleh masyarakat global. Bentangkan maklumat tersebut di hadapan kelas.



REFLEKSI

Sahabat anda yang berada di luar negara telah menghidangkan makanan eksotik kepada anda. Apakah tindakan yang patut anda lakukan sekiranya makanan itu tidak memenuhi tuntutan budaya, agama atau kepercayaan anda?

A. Setiap masyarakat global mempunyai cara tersendiri untuk bertegur sapa dan berkomunikasi.

Cara Bertegur Sapa dan Berkomunikasi



Masyarakat India



Masyarakat Melayu



Masyarakat Jepun

1. Cari maklumat daripada pelbagai sumber tentang cara masyarakat di luar negara bertegur sapa dan berkomunikasi.
2. Mengapakah kita perlu bertegur sapa dan berkomunikasi ketika bertemu dengan orang lain?

B. Buat simulasi cara bertegur sapa dan berkomunikasi dengan masyarakat global.

C. Lakukan carian berkaitan dengan budaya masyarakat global yang lain melalui pelbagai sumber atau video. Kemudian, buat buku skrap tentang amalan norma masyarakat global tersebut.

D. Laksanakan aktiviti sumbang saran tentang norma masyarakat global berdasarkan gambar. Kemudian, jawab soalan di bawah.



Norma Masyarakat Global



1. Jelaskan cara menghormati norma masyarakat global berdasarkan gambar.
2. Huraikan kepentingan menghormati norma masyarakat global tersebut.

E. Hasilkan penulisan kreatif tentang norma masyarakat global.

A. Setiap tetamu yang datang ke rumah perlu dilayan sebaik-baiknya. Berdasarkan situasi di bawah, lakonkan cara menghormati tetamu masyarakat global.

Cara Menghormati Tetamu

1

Tetamu datang ke rumah anda pada waktu yang tidak sesuai. Apakah tindakan anda? Berikan alasan.



2

Jelaskan perasaan anda apabila diraikan oleh tuan rumah dengan penuh sopan.



3

Nyatakan kepentingan tetamu menghormati amalan norma tuan rumah.



B. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan berkaitan dengan norma masyarakat global. Kemudian, cari perkataan tersebut.

1. Norma masyarakat global merupakan sesuatu tingkah laku yang membentuk peraturan _____.
2. Kita hendaklah _____ diri dengan norma masyarakat global.
3. Amalan menghormati norma masyarakat global dapat mewujudkan _____.
4. Kita patut _____ norma masyarakat lain ketika menghidangkan makanan.
5. Sekiranya sesuatu norma itu berlawanan dengan pegangan agama atau kepercayaan, kita hendaklah memaklumkan perkara itu dengan _____.
6. Kita pasti _____ apabila dapat menghargai norma masyarakat global.
7. Kita perlu bijak menangani _____ antara norma masyarakat tempatan dengan global.


K	O	N	F	L	I	K	K	R	T	K	U
N	V	T	Y	J	J	K	U	Y	I	E	R
S	F	G	Y	T	Z	S	E	A	W	H	G
T	O	H	V	U	L	A	R	F	I	A	H
N	C	S	Z	X	R	X	A	S	E	R	J
M	U	Y	I	I	F	X	D	N	R	M	Y
H	B	E	B	A	H	Q	A	R	T	O	J
J	F	M	T	I	L	P	K	J	H	N	Q
M	E	N	G	H	O	R	M	A	T	I	Y
G	B	C	F	S	Q	K	N	R	M	A	R
U	K	T	D	A	U	I	V	Z	L	N	J
M	E	N	Y	E	S	U	A	I	K	A	N

- A. Masyarakat global mempunyai norma tersendiri yang menyebabkan konflik nilai tempatan dan universal.



Contoh berpakaian sopan

Amalan menanggalkan kasut sebelum memasuki rumah



1. Berdasarkan situasi tersebut, bagaimanakah anda memainkan peranan untuk memberitahu rakan dari luar negara tentang perbezaan norma setempat dengan norma yang diamalkan oleh tetamu anda?
2. Jika anda tetamu, huraikan kepentingan menghormati norma yang berbeza dengan nilai yang anda amalkan.
3. Nyatakan perasaan anda sekiranya dapat menghormati amalan norma masyarakat global. Bincangkan.

- B. Anda mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di luar negara. Anda terpaksa menumpang di rumah keluarga angkat yang berbeza budaya dan pegangan agama. Bagaimanakah anda dapat menyesuaikan diri dengan norma masyarakat tersebut?

UNIT 2

INDIVIDU GLOKAL PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud global.
- menjelaskan ciri individu global.
- menghuraikan kepentingan bersikap global demi kemajuan negara.
- mengekspresikan perasaan apabila bertindak sebagai individu global.
- mengamalkan ciri individu global dalam kehidupan harian.



Apakah peranan individu global dalam memajukan negara?

Cadangan Nilai

- Bertanggungjawab
- Hemah tinggi
- Harga diri
- Patriotisme



Glokal berasal daripada dua patah perkataan, iaitu global dan lokal. Global bermaksud antarabangsa dan menjangkau seluruh dunia. Lokal ialah nasional, tempatan dan dalam negara.

Definisi

1

Mampu berdaya saing pada peringkat global, tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri lokal

Pemikiran

2

Berpegang pada ciri lokal dan berfikiran lokal serta global

Maksud Glokal

Budaya

3

Bertunjangkan budaya dan ajaran agama serta mampu menghadapi cabaran dan tekanan daripada pelbagai penjuru dunia

Nilai

4

Mengambil sesuatu nilai universal yang baik, inovatif, kreatif, profesional dan disesuaikan dengan nilai lokal

Individu global merupakan seseorang yang berilmu dan berpegang teguh pada nilai-nilai dan jati diri. Individu itu juga mampu bersaing pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Ciri individu global adalah seperti yang berikut:



Malaysia telah melahirkan ramai individu global. Mereka bukan sahaja cemerlang di Malaysia, malah telah mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa dengan produk dan keupayaan mereka. Tokoh berikut adalah antara anak Malaysia yang menjadi individu global.

Tan Sri Dr. Lim Wee Chai

Tan Sri Dr. Lim Wee Chai ialah pengasas Top Glove Corporation Berhad yang menjadi pembekal sarung tangan terbesar di dunia. Beliau memiliki kilang di Malaysia, di Vietnam, di China dan di Thailand. Selain itu, beliau juga mempunyai pejabat pemasaran yang terletak di Amerika Syarikat, di Jerman dan di Brazil. Produk Top Glove dieksport ke 195 buah negara di seluruh dunia.



Individu yang bersifat global memainkan peranan penting dalam memajukan negara di persada antarabangsa. Yang berikut merupakan kepentingan bersikap global demi kemajuan negara:

Keperluan Bersikap Global

Meningkatkan imej Malaysia di mata dunia

Pelbagai produk buatan Malaysia setanding dengan negara maju.

1

Meningkatkan ekonomi Malaysia

Peningkatan ekonomi Malaysia dapat meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat.

2

3

Meningkatkan daya saing negara dalam perdagangan global

Peningkatan eksport negara dan kepakaran yang dimiliki menjadi aset berharga kepada negara.

4

Melahirkan pekerja berilmu dan berkemahiran dalam era Revolusi Industri 4.0

Pekerja industri tidak ketinggalan dalam sistem fizikal siber dan perkembangan teknologi terkini.

5

Melahirkan ramai usahawan global

Usahawan global ialah usahawan yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang kreatif dan inovatif serta boleh diterima dalam pasaran tempatan dan global.

Kita pasti berasa bangga kerana kita mempunyai ciri individu global. Ciri ini boleh menjadikan kita sebagai individu global yang mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan negara dan dapat mengharumkan nama Malaysia.



- A. Anda ialah bekas murid aliran kemahiran yang mengambil bidang pembuatan perabot. Bagaimanakah anda boleh menghasilkan perabot terkini yang mengekalkan ciri lokal dan dapat menembusi pasaran antarabangsa?



- B. Jika anda usahawan, nyatakan ciri yang perlu anda miliki untuk mencapai tahap global. Jelaskan ciri tersebut.

Ciri Individu Global

- C. Anda terpaksa menetap beberapa tahun di luar negara bagi memastikan pengeluaran produk kilang anda dapat berjalan dengan lancarnya. Anda mendirikan kilang tersebut di luar negara kerana kos buruh yang murah.



1. Adakah anda bersikap global dengan mendirikan kilang di luar negara? Jelaskan.
2. Huraikan kepentingan anda menjadi individu global dalam mengurus perniagaan di luar negara.
3. Jelaskan perasaan anda apabila produk yang anda hasilkan itu diterima pada peringkat antarabangsa.



Sekiranya terdapat pihak luar yang ingin membeli hak cipta produk anda, bagaimanakah anda membuat pilihan bagi membuktikan anda seorang individu global? Berikan justifikasi pilihan anda.

A. Baca petikan dan buat aktiviti.

JURUKIMPAL DASAR LAUT WANITA PERTAMA DI MALAYSIA

Info:

Nama	Nur Izzati Athirah binti Mohamad Yusoff
Latar belakang pendidikan	Bekas murid Kolej Vokasional Taiping, Perak
Kejayaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wanita tunggal yang mempelajari bidang kimpalan di kolej tersebut pada tahun 2016. 2. Jurukimpal dasar laut wanita pertama di Malaysia.



(Sumber: *New Straits Times*, 19 Jun 2018)

Ciri individu global yang dimiliki:





1. Berdasarkan bidang yang anda minati, nyatakan cara anda memajukan kerjaya sehingga dapat menjadi individu global.
2. Cari maklumat individu lain yang bertaraf global melalui pelbagai sumber. Bentangkan hasil dapatan anda.



Jurukimpal
Wanita

B. Nyatakan perasaan anda jika anda bertindak sebagai individu global.


Perasaan	Penjelasan
1. Saya berasa...	_____ 
2. Saya berasa...	_____ 



Dilema Moral

Anda berminat dengan kerjaya sebagai cef. Anda telah mendapat tawaran bekerja dengan sebuah syarikat perkapalan di luar negara. Namun begitu, hasrat anda tidak dipersetujui oleh ibu bapa anda. Nyatakan cara anda mengatasi isu ini.

Jalankan aktiviti ini dengan menggunakan kaedah main peranan.











C. Kebolehan berbahasa asing terutamanya bahasa Inggeris penting untuk menjadikan kita individu global. Bagaimanakah anda dapat memperkasakan bahasa Melayu dan menguasai bahasa asing dalam persediaan untuk menjadi individu global?



Memartabatkan Bahasa Melayu	Memperkukuh Bahasa Inggeris												
<p>Program BIJAK Bahasa Melayu (BM)</p> <p>200 Sekolah Rendah Rintis Kit Sokongan BIJAK BM</p> <p>412 (54%) daripada 756 orang murid yang dirintis telah menguasai kemahiran membaca dan menulis</p> <div style="display: flex; align-items: center;">  <div style="margin-left: 10px;"> <p>Antara dokumen dan bahan yang dihasilkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Draf Awal Kerangka Standard BM • Modul Program Pembangunan Profesionalisme Guru BM • Penghasilan Bahan Sokongan dan Modul BM </div> </div>	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Dual Language Programme (DLP)</th> <th>Tahun 2016</th> <th>Tahun 2017</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilangan Sekolah</td> <td style="text-align: center;">379</td> <td style="text-align: center;">1,215</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Highly Immersive Programme (HIP)</th> <th>Tahun 2016</th> <th>Tahun 2017</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilangan Sekolah</td> <td style="text-align: center;">1,200</td> <td style="text-align: center;">5,500</td> </tr> </tbody> </table> <div style="text-align: right;">  </div>	Dual Language Programme (DLP)	Tahun 2016	Tahun 2017	Bilangan Sekolah	379	1,215	Highly Immersive Programme (HIP)	Tahun 2016	Tahun 2017	Bilangan Sekolah	1,200	5,500
Dual Language Programme (DLP)	Tahun 2016	Tahun 2017											
Bilangan Sekolah	379	1,215											
Highly Immersive Programme (HIP)	Tahun 2016	Tahun 2017											
Bilangan Sekolah	1,200	5,500											
<p>• Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025</p>													

D. Kenal pasti cara memartabatkan bahasa Melayu selain menguasai bahasa asing. Bincangkan.

Cara Memartabatkan Bahasa Melayu	Cara Menguasai Bahasa Asing
<ul style="list-style-type: none"> Bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu setiap hari 	<ul style="list-style-type: none"> Mempelajari bahasa-bahasa utama dunia
 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>	 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>
 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>	 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>
 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>	 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>
 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>	 <hr style="width: 80%; margin: auto;"/>

E. Berdasarkan maklumat tersebut, hasilkan risalah yang berkaitan dengan usaha memartabatkan bahasa Melayu dan menguasai bahasa asing. Perbanyak risalah itu dan edarkannya kepada rakan-rakan.



A.

Setiap individu mempunyai impian kerjaya pada peringkat global dengan mengekalkan jati diri lokal.

1. Tentukan impian kerjaya anda untuk menjadi individu glokal.
2. Rangka visi dan misi anda untuk mencapai impian kerjaya tersebut.
3. Laksanakan perbincangan dengan rakan untuk menambah baik visi dan misi anda.

B.

Tulis visi dan misi yang telah ditambah baik pada sekeping kertas secara kreatif.

VISI DAN MISI SAYA

NAMA: _____

TARIKH: _____

VISI

MISI

C.

Buat refleksi bagi menentukan anda berada pada landasan yang betul untuk mencapai visi dan misi anda.



A. Biodata

Nama: Dr. Mohd Sirhajwan bin Idek
 Kerjaya: Tenaga pengajar di Kolej Vokasional Keningau
 Asal: Kota Belud, Sabah

Kejayaan

- Memenangi Award for Citizenship Global Educational Supplies and Solutions (GESS) 2018 yang berlangsung di Dubai, Emiriah Arab Bersatu
- Memenangi Anugerah Kecemerlangan Guru dalam bidang Keusahawanan dan Inovasi Antarabangsa bersempena dengan Persidangan Keusahawanan dan Inovasi Eropah di Novancia Business School, Paris



1. Pada pendapat anda, apakah ciri individu global yang ada pada diri Dr. Mohd Sirhajwan sehingga beliau berjaya?
2. Bagaimanakah amalan nilai universal membantu beliau mencapai kejayaan?
3. Apakah kepentingan kejayaan beliau terhadap kemajuan negara?
4. Jelaskan perasaan anda sekiranya dapat mencapai kejayaan seperti Dr. Mohd Sirhajwan.



- B.** Segelintir rakyat Malaysia masih memilih untuk membeli barangan luar negara berbanding dengan barangan tempatan. Apakah yang akan anda lakukan bagi meningkatkan daya saing produk Malaysia?

UNIT 3

KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL

Dalam unit ini, murid dapat:

- menyenaraikan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian.
- menjelaskan cara meningkatkan nilai kerohanian.
- menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral.
- mengekspresikan perasaan apabila menghayati nilai kerohanian.
- mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian.

Sejauh manakah anda mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan?

Cadangan Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Bertanggungjawab
- Hormat
- Kasih sayang



Setiap individu perlu mempunyai nilai kerohanian dalam diri mereka. Nilai kerohanian yang diamalkan akan menjadi asas pembentukan individu yang berakhlak mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh. Masyarakat boleh mengenali individu yang mengamalkan nilai kerohanian melalui ciri tertentu. Yang berikut merupakan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian:

Ciri Individu yang Mempunyai Nilai Kerohanian

1. Mempunyai fikiran yang bersih

- Sentiasa berfikiran positif
- Dapat memberikan idea yang membina

2. Berpegang teguh pada ajaran agama atau kepercayaan

- Menjauhi larangan agama atau kepercayaan
- Mengamalkan ajaran agama atau kepercayaan

3. Mengutamakan nilai kemanusiaan

- Mempunyai perasaan simpati dan empati terhadap orang lain
- Berbuat amal kebajikan

4. Mempunyai hati yang suci

- Ikhlas dalam setiap tindakan
- Tidak mempunyai perasaan iri hati terhadap orang lain

5. Mengutamakan maruah diri

- Menjaga nama baik diri dan keluarga
- Berusaha untuk meningkatkan potensi diri

Nilai kerohanian perlu diperkukuh melalui perlakuan positif. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyemai nilai kerohanian. Yang berikut adalah antara cara meningkatkan nilai kerohanian:

Melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan

- Memberikan bantuan dalam aktiviti kemasyarakatan

Mendalami ajaran agama atau kepercayaan

- Pembelajaran sepanjang hayat tentang agama atau kepercayaan

Cara Meningkatkan Nilai Kerohanian

Menghayati ilmu

- Memahami dan mengamalkan ilmu yang diperoleh

Mempraktikkan ajaran agama atau kepercayaan

- Bertingkah laku mengikut ajaran agama atau kepercayaan

Berfikiran positif

- Tidak berprasangka buruk

Pengamalan nilai kerohanian sangat penting bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kepentingan Nilai Kerohanian

Menjadi insan bermoral

- Memiliki peribadi yang baik dan sempurna
- Mempunyai emosi yang stabil

Menjadi suri teladan kepada orang lain

- Perbuatan yang baik akan dicontohi orang lain
- Memupuk keperibadian mulia

Dihormati oleh pihak lain

- Nama baik diri dan keluarga terpelihara
- Dipercayai pihak lain

Kehidupan lebih bahagia

- Masalah dapat diselesaikan dengan baiknya
- Masa depan terjamin

Penghayatan dan pengamalan nilai kerohanian akan membentuk personaliti individu yang positif. Individu bermoral akan berasa gembira dan bersyukur kerana mampu menjaga tingkah laku dan mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam pelbagai situasi.



- A. Gambar di bawah menunjukkan sekumpulan murid sedang membuat lintasan pejalan kaki di sekolah. Teliti gambar di bawah dan bincangkan soalan yang diberikan.



1. Apakah perasaan anda apabila melihat tindakan mereka?
2. Nyatakan ciri nilai kerohanian yang ada pada mereka.
3. Jelaskan kepentingan remaja melibatkan diri dalam aktiviti kerja amal seperti yang di atas.



INFO

Aktiviti kerja amal boleh memupuk amalan nilai kerohanian dalam masyarakat. Antara contoh kerja amal termasuklah membersihkan kawasan rumah ibadat dan membantu mangsa bencana alam.

B. Teliti gambar di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya:



1

Apakah perasaan anda apabila melihat ketiga-tiga gambar ini?

2

Dalam kumpulan, bincangkan tindakan yang patut anda lakukan dan berikan alasan.

3


Buat simulasi tindakan yang akan anda ambil.



Remaja yang mempunyai nilai kerohanian sentiasa positif dalam tindakan dan pemikiran. Berikan ulasan anda.

A. Baca dan fahami situasi di bawah.

Setelah mendapat keizinan daripada ibu bapa, saya telah pergi menderma darah di Pusat Darah Negara. Ramai individu yang turut serta menderma darah. Saya sedar akan kepentingan menderma darah untuk menyelamatkan nyawa.



1. Kongsikan pengalaman anda melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian seperti yang di atas.
2. Apakah perasaan anda apabila dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang mempunyai nilai kerohanian?
3. Bincangkan kepentingan anda melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.
4. Selain kempen menderma darah, kerajaan turut menganjurkan kempen menderma organ. Wajarkah kerajaan berbuat demikian? Berikan justifikasi anda.

B. Lakukan aktiviti main peranan tentang pilihan yang akan anda ambil berdasarkan situasi di bawah.

SITUASI 1

Merelyn bercadang untuk membeli telefon pintar baharu. Pada masa yang sama, adiknya memerlukan bantuan kewangan untuk membayar yuran sekolah yang tertunggak.

SITUASI 2

Seorang pemandu teksi mendapati penumpangnya tercalar sebuah beg yang mengandungi wang, telefon bimbit dan beberapa dokumen penting. Pada hari tersebut, pendapatannya sangat sedikit dan dia perlu membeli beras serta keperluan lain untuk keluarga.

SITUASI 3

Kawan Raju mengajaknya untuk menangkap dan menyeludup hidupan liar kerana harganya yang tinggi. Raju sedar bahawa perbuatan tersebut adalah salah tetapi dia memerlukan wang untuk membayar hutangnya yang tertunggak.

Berdasarkan situasi di atas, berikan justifikasi bagi pilihan yang telah anda buat.



Sikap remaja yang mementingkan keseronokan dan kemewahan akan menjejaskan masa depan. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini?



A. Berdasarkan rajah di bawah, secara berkumpulan nyatakan kesan pengaruh negatif dan cadangkan langkah-langkah yang dapat diambil untuk menangani pengaruh negatif yang menjejaskan nilai kerohanian dalam kalangan remaja.

Pengaruh Negatif	Kesan Pengaruh Negatif	Langkah Menangani
Pengaruh media sosial		
Pengaruh budaya luar		
Masalah keluarga		
Membelakangkan ajaran agama		
Pengaruh rakan		



Nilai kerohanian perlu diamalkan terlebih dahulu dalam kalangan keluarga sendiri.

B. Kata-kata hikmat dapat membantu seseorang untuk menjadi lebih positif dalam kehidupan. Hasilkan penanda buku berdasarkan arahan yang diberikan.

(i) Lihat contoh penanda buku.



(ii) Secara berkumpulan, hasilkan penanda buku secara kreatif dengan menggunakan kata-kata hikmat di bawah.

Pilihan Kata-kata Hikmat

- Peribadi Mulia Asas Kejayaan
- Nilai Kerohanian Menjamin Kehidupan Bahagia
- Agama sebagai Panduan Hidup
- Nilai Kerohanian Meningkatkan Kualiti Diri

(iii) Bentangkan hasil kreativiti kumpulan di hadapan kelas dan jelaskan sebab-sebab kata hikmat itu dipilih.

A. Rajah di bawah berkaitan dengan perlakuan segelintir remaja pada masa ini.



1. Huraikan nilai universal yang patut diamalkan oleh remaja di atas.
2. Bagaimanakah ibu bapa dapat membantu remaja mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan?
3. Andaikan rakan baik anda telah terlibat dalam kegiatan gengsterisme. Bagaimanakah anda dapat menyedarkannya?

B. Teliti pernyataan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.

Sikap masyarakat yang lebih mengutamakan kemewahan hidup telah menyebabkan nilai kerohanian dalam diri semakin hilang.

Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas? Berikan alasan anda dengan berpandukan nilai universal.

UNIT 4

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA

Dalam unit ini, murid dapat:

- menenaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.
- menjelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- menghuraikan dengan contoh cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- mengekspresikan perasaan apabila menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian.

Bayangkan kehidupan anda jika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi tersekat secara tiba-tiba.



Cadangan Nilai

- Kesederhanaan
- Harga diri
- Kebebasan
- Rasional



Dunia kini ialah dunia tanpa sempadan. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semakin meluas. Teknologi dapat memudahkan urusan dan menjimatkan masa. Walaupun demikian, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi perlu dibatasi dengan mengamalkan etika penggunaan yang betul. Etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah seperti yang berikut:

Etika Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1

Berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang sopan dan secara berhemah

2

Menulis dan menyebarkan maklumat yang sahih demi keharmonian masyarakat

3

Mendapat kebenaran daripada pemilik yang sah sebelum memuat naik atau memuat turun sebarang bahan

4

Berkongsi maklumat dengan pihak lain bagi tujuan memberikan manfaat kepada kehidupan diri dan orang lain

5

Menghindari diri daripada mencerooboh dan menggodam sistem milik pihak lain

6

Memberikan maklumat yang betul dan tepat apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian

Terdapat banyak kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. Kepentingan tersebut termasuklah:

Kepentingan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi secara Beretika

1

Mengeratkan Hubungan Pelbagai Lapisan Masyarakat

- Hubungan kekeluargaan lebih akrab
- Mewujudkan jaringan komunikasi dengan pelbagai pihak
- Memudahkan komunikasi secara maya tanpa batas sempadan

Mengubah Corak Pendidikan

- Pengajaran yang lebih berinovasi dan berasaskan teknologi
- Memberikan peluang pendidikan yang lebih luas secara maya
- Penerokaan ilmu dengan lebih meluas

2

3

Mewujudkan Kepelbagaian Perkhidmatan dalam Talian

- Terdapat pelbagai pilihan perkhidmatan dalam talian
- Menjimatkan pengurusan masa dan tenaga
- Meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan lebih mesra pengguna

Menjanakan Ekonomi

- Menjalankan perniagaan dan perkhidmatan dalam talian
- Mempromosikan perniagaan dan perkhidmatan dengan lebih berkesan
- Memberikan peluang menambahkan pendapatan

4

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika akan memberikan manfaat yang banyak kepada kita. Sebagai pengguna yang bijak, pastikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi diamalkan bagi mengelakkan sebarang masalah. Yang berikut merupakan contoh etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi:



Promosi Barangan dan Perkhidmatan dalam Talian

1. Mempromosikan barangan atau perkhidmatan yang dibenarkan oleh undang-undang
2. Tidak memberikan maklumat palsu tentang kualiti barangan dan perkhidmatan yang disediakan
3. Sentiasa mengutamakan persaingan yang sihat tanpa memburukkan barangan dan perkhidmatan orang lain




Memuat Turun dan Memuat Naik Bahan

1. Memuat turun dan memuat naik bahan yang positif
2. Mendapatkan keizinan daripada pemilik yang sah
3. Memuat naik atau memuat turun perisian yang berdaftar dan berlesen




Membina Laman Blog Sendiri

1. Memberikan maklumat diri yang betul dan tepat
2. Memaparkan maklumat yang positif dan sah
3. Tidak mewujudkan sebarang unsur kebencian dan prasangka



Kita pasti akan gembira jika terhindar daripada sebarang salah laku yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Kebebasan menggunakannya perlu ada had dan batasan tertentu agar keharmonian masyarakat terpelihara.





- A. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini membolehkan telefon pintar mempunyai pelbagai fungsi seperti membuat panggilan dan penghantaran mesej, media sosial dan sebagainya.
1. Jelaskan etika penggunaan telefon pintar yang sepatutnya diamalkan dalam situasi yang berikut:



2. Bincangkan kepentingan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam penggunaan telefon pintar.



Wajarkah kita menyimpan pelbagai maklumat sulit seperti nombor pin akaun bank dan maklumat peribadi dalam telefon pintar? Jelaskan.



Dilema Moral

Ketika anda keluar dari sebuah bank, anda didatangi oleh seorang lelaki yang ingin meminjam telefon pintar anda kerana telefon pintar miliknya telah kehabisan bateri. Lelaki tersebut memberikan alasan mahu menghubungi isterinya bagi mendapatkan nombor akaun untuk memasukkan wang.

Jelaskan tindakan yang patut anda lakukan dengan memberikan justifikasi.

B. Cari penyelesaian situasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang berikut:

SITUASI 1

Murugan ialah murid dalam bidang kulinari di sebuah kolej vokasional. Beliau telah berjaya menghasilkan beberapa jenis kek dan bercadang untuk memasarkannya melalui laman sosialnya.

Huraikan cara beliau mempromosikan kek yang dihasilkan secara beretika dalam laman sosial.

SITUASI 2

Kok Leong sangat meminati bidang elektrik. Ketika mengisi borang permohonan secara dalam talian untuk melanjutkan pelajaran, beliau mendapati bahawa bidang yang dimohon itu memerlukan mendapat keputusan yang baik pada peringkat kolej vokasional. Bagi memastikan permohonannya berjaya, beliau telah memalsukan keputusan peperiksaannya.

Wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Kok Leong? Berikan justifikasi anda.

SITUASI 3

Jit Seng telah menonton tayangan filem terbaharu di pawagam bersama-sama dengan rakannya. Beliau telah merakamnya dengan menggunakan kamera telefon pintar. Rakannya yang tidak dapat menonton filem itu di pawagam telah meminta rakaman tersebut daripada Jit Seng. Tanpa pengetahuan Jit Seng, rakannya telah memuat naik rakaman tersebut dalam laman sosial.

1. Wajarkah tindakan Jit Seng merakam filem tersebut? Jelaskan.
2. Patutkah rakannya memuat naik rakaman tersebut dalam laman sosial? Berikan alasan.
3. Apakah akta yang boleh dikenakan terhadap Jit Seng dan rakannya yang menyalahgunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi?

C. Selain media sosial, permainan dalam talian juga terkenal dalam kalangan remaja kini.



1. Sesuaikah permainan ini dimainkan oleh golongan remaja masa ini? Jelaskan.
2. Senaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ketika bermain permainan dalam talian.
3. Apakah perasaan anda apabila dapat bermain permainan dalam talian secara beretika? Berikan alasan.



Bagaimanakah anda dapat mengelakkan diri daripada bermain permainan dalam talian yang berbentuk perjudian?

A. Yang berikut adalah antara bentuk operasi panggilan telefon “Macau Scam”:

Menerima Panggilan “Macau Scam”



Terima Panggilan

Mangsa menerima panggilan yang memaklumkan bahawa kad kreditnya telah digunakan oleh pihak ketiga.



Mangsa Cemas

Mangsa tidak pernah menggunakan kad kredit.



Penyamaran sebagai Pegawai

Pemanggil menyamar sebagai pegawai bank, polis atau agensi penguat kuasa lain.



Mangsa Percaya

Mangsa memberikan maklumat yang diperlukan seperti nombor kad bank.



Menurut Arahan

Mangsa bersetuju untuk melakukan pemindahan wang atas arahan pegawai tersebut.



Duit Lebur

Mangsa hanya menyedari dirinya telah ditipu selepas transaksi dibuat.



1. Nyatakan tindakan yang patut anda ambil apabila menerima panggilan sedemikian.
2. Cari maklumat tentang aplikasi yang dapat membantu anda untuk mengenal pasti pemilik nombor telefon yang membuat panggilan dan kongsiannya dalam laman sosial.
3. Apakah perasaan anda apabila dapat berkongsi aplikasi yang mampu membantu orang lain untuk menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika?

- B. Teliti maklumat yang berkaitan dengan penyalahgunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang melibatkan pornografi, cetak rompak dan buli siber. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

Pornografi

1. Kebanyakan mangsa terdiri daripada golongan wanita berusia 13 hingga 29 tahun.
2. Golongan yang tidak bertanggungjawab ini akan mencari mangsa melalui media sosial.
3. Gambar-gambar atau video milik mangsa akan diambil atau dimuat turun, disunting dan akhirnya disebarikan kepada umum.
4. Mangsa akan mengalami trauma atau kemurungan. Keadaan ini memberikan kesan yang lebih buruk.



Cetak Rompak

1. Pelbagai usaha dilakukan untuk menangani isu ini. Usaha tersebut termasuklah mengenakan denda terhadap individu yang merakam apa-apa jua klip filem tanpa kebenaran.
2. Terdapat segelintir masyarakat yang menonton filem daripada komputer riba atau telefon pintar tanpa mengetahui sumber filem tersebut.
3. Kebanyakan video cetak rompak yang dihasilkan bertujuan untuk mengaut keuntungan dengan cara yang mudah.



Hak Cipta
(Perbadanan Harta Intelekt)
myipo.gov.my/ms/hak-cipta/
Dicapai pada 24 Julai 2020

Buli Siber


Buli siber ialah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej, laman borak, e-mel, laman media sosial, telefon pintar atau permainan dalam talian.



1. Dengan melayari Internet, dapatkan maklumat berkaitan dengan etika yang sepatutnya anda amalkan semasa menggunakan pelbagai kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.
2. Dengan menggunakan pelbagai bentuk media, hasilkan risalah bermaklumat bagi membantu pihak kolej untuk menjayakan sifar buli di kolej anda.
3. Kongsikan risalah tersebut dalam laman sosial.



A. Kita sering kali mengemas kini status dalam media sosial. Yang berikut ialah contoh status yang sering dikongsi oleh pengguna media sosial:



1. Bersetujukah anda dengan gaya penggunaan media sosial seperti yang di atas? Jelaskan.
2. Bagaimanakah anda menggunakan media sosial dengan beretika?

B. Kongsi pengalaman anda tentang penggunaan pelbagai medium teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan harian.

C. Buat satu aktiviti kemas kini status yang beretika dalam aplikasi media sosial dan kongsiannya bersama-sama dengan rakan yang lain. Kemudian, buat penilaian tentang status kemas kini tersebut.

D. Lihat gambar tentang medium komunikasi yang sering digunakan pada masa ini.



Panggilan video



Panggilan suara

1. Senaraikan etika yang patut anda patuhi ketika menggunakan medium komunikasi ini.
2. Buat pilihan yang terbaik untuk berkomunikasi dengan rakan anda sama ada menggunakan aplikasi panggilan video atau panggilan suara. Jelaskan pilihan anda dengan memberikan justifikasi.

E. Buat simulasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dengan menggunakan medium komunikasi pilihan anda.

- A. Teliti dialog di bawah yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semasa membuat panggilan melalui telefon pintar.

Tahniah, nombor telefon encik telah berjaya memenangi cabutan bertuah syarikat kami!

Benarkah? Apakah hadiah yang saya peroleh?

Benar. Encik akan mendapat sebuah motosikal berkuasa tinggi. Oleh itu, kami perlu mendapatkan beberapa maklumat peribadi encik bagi melengkapkan tuntutan hadiah tersebut.

.....

Watak A

Watak B

1. Sekiranya anda watak B, tulis dialog yang akan anda ucapkan apabila mendapat panggilan sedemikian. Berikan justifikasi.
2. Jelaskan perasaan anda berdasarkan pilihan yang telah anda buat.
3. Huraikan kepentingan mematuhi etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

- B. Teliti tajuk keratan akhbar di bawah. Jawab soalan yang berikut.

SKMM KESAN 43 KES PENYEBARAN BERITA PALSU COVID-19

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sudah mengenal pasti 18 orang suspek daripada 43 kes penyebaran berita palsu mengenai COVID-19.

Semua suspek disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 yang membawa hukuman denda maksimum RM50 000.00 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan. Kenyataan itu memaklumkan SKMM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bekerjasama melalui Jawatankuasa Jenayah Siber untuk menangani penyebaran berita palsu secara berterusan terutama mengenai COVID-19 yang boleh mengelirukan serta menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan rakyat. Perbuatan memulakan atau menyebarkan berita palsu merupakan satu kesalahan jenayah.

SKMM dan PDRM memantau perkara ini dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang terbabit bagi memastikan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Orang ramai yang ragu mengenai kesahihan sesuatu berita diminta melayari laman sesawang Sebenarnya.my.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Harian Metro*, 23 Mac 2020)

1. Sebagai pengguna teknologi maklumat dan komunikasi yang beretika, jelaskan tindakan yang perlu anda lakukan bagi mengelakkan diri daripada terperangkap dengan penipuan seperti yang di atas. Nyatakan justifikasi tindakan anda.
2. Layari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang SKMM. Kemudian, bentangkannya di hadapan kelas.

INTEGRITI DALAM ORGANISASI WADAH PEMANGKIN EKONOMI



Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud integriti dalam organisasi.
- menjelaskan cara memupuk integriti dalam organisasi.
- menghuraikan kepentingan amalan integriti dalam organisasi.
- mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti dalam organisasi.
- mempraktikkan integriti dalam organisasi sepanjang masa.

Sejauh manakah integriti membawa kebaikan kepada organisasi?



Cadangan Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Bertanggungjawab
- Kejujuran
- Harga diri



Integriti merupakan sikap jujur dan bermoral tinggi bagi seseorang individu dalam melaksanakan tugas. Integriti sangat diperlukan sama ada secara individu atau ketika berada dalam organisasi. Pekerja yang berintegriti akan menjadikan organisasi mereka berjaya dan seterusnya akan memberikan sumbangan kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Integriti dalam Organisasi

Integriti dalam organisasi bermaksud melaksanakan kod etika, piagam pelanggan atau sistem proses kerja serta pematuhan pada amalan terbaik dalam sesebuah pertubuhan, perkumpulan atau perbadanan. Integriti berkait rapat dengan kejujuran, keikhlasan, ketelusan, keterbukaan dan amanah.

Setiap individu yang bekerja dalam sesebuah organisasi perlu berintegriti bagi menjamin kesejahteraan organisasi tersebut. Yang berikut merupakan beberapa cara memupuk integriti dalam organisasi:

Pematuhan Piagam Pelanggan

- Memberikan perkhidmatan atau produk yang terbaik kepada pelanggan
- Memenuhi standard kualiti pelanggan

Pematuhan Kod Etika Kerja

- Mematuhi peraturan dan berdisiplin
- Mengelakkan berlakunya konflik antara kepentingan diri dengan organisasi
- Menjaga maruah organisasi

- Menjalankan tugas dengan amanah, tidak cuai dan tidak menyalahgunakan kuasa
- Bersikap adil dalam penilaian, pemilihan dan pelantikan
- Bertanggungjawab semasa bekerja dan memberikan hasil kerja yang terbaik

Penghayatan dan Penerapan Nilai

Cara Memupuk Integriti dalam Organisasi

- Sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard
- Berusaha mencapai sasaran petunjuk prestasi

Pematuhan pada Amalan Terbaik

- Pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Pemberian bonus dan ganjaran
- Kenaikan pangkat

Penghargaan kepada Pekerja

Integriti dalam organisasi sangat penting bagi menjamin kejayaan dan keutuhan sesebuah organisasi. Yang berikut adalah antara kepentingan amalan integriti dalam organisasi:

Keperntingan Amalan Integriti dalam Organisasi



Membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan

- Dapat meningkatkan mutu perkhidmatan
- Dapat meningkatkan imej organisasi

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengelakkan masalah birokrasi

- Memudahkan urusan orang awam
- Menjimatkan tempoh masa pengurusan



Meningkatkan keyakinan terhadap sesebuah organisasi

- Pengurusan organisasi yang lebih cekap
- Meningkatkan persepsi orang awam terhadap sesebuah organisasi

Menjanakan ekonomi negara

- Meningkatkan pelaburan negara
- Meyakinkan pelabur-pelabur asing



Setiap warganegara Malaysia yang bekerja dalam sesebuah organisasi perlu berintegriti. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur dan bangga kerana berjaya menunjukkan sikap integriti dalam pengurusan organisasi.


A. Anda diterima bekerja di sebuah bengkel kereta. Anda mendapati ramai pekerja di bengkel tersebut tidak berintegriti dalam menjalankan tugas.

Sebagai pekerja yang ingin menerapkan amalan integriti, anda cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut.

1. Berikan contoh perbuatan tidak berintegriti yang dilakukan oleh pekerja-pekerja tersebut.

2. Jelaskan amalan integriti yang perlu diamalkan oleh pekerja-pekerja di bengkel tersebut untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bengkel.

3. Jelaskan kepentingan mengamalkan integriti di bengkel tempat anda bekerja.



B. Nyatakan perasaan anda berdasarkan masalah yang berlaku di bengkel tersebut.



Mengapakah amalan mengambil sijil cuti sakit palsu boleh menjejaskan integriti dalam sesebuah organisasi? Berikan justifikasi.

C. Tonggak Dua Belas merupakan garis panduan yang diamalkan dalam perkhidmatan awam. Elemen-elemen ini boleh diterapkan dalam organisasi yang lain.



Andaikan anda pemilik sebuah syarikat, bagaimanakah anda menyesuaikan elemen **Tonggak Dua Belas** dalam kalangan pekerja anda?

D. Pembudayaan kerja yang berintegriti akan memberikan imej yang baik terhadap masyarakat. Buat ulasan dalam bentuk forum.

A. Lafaz dan fahami ikrar integriti perkhidmatan awam. Kemudian, jawab soalan.



Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam



Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti Perkhidmatan Awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan yang berikut:

- Pertama: Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua: Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga: Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- Keempat: Bekerja sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Kelima: Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam: Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan agama dalam melaksanakan tugas.

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam)

1. Nyatakan cara-cara memupuk integriti dalam perkhidmatan awam.
2. Huraikan kepentingan sesebuah organisasi yang ditadbir dengan berintegriti.

B. Cipta ikrar integriti bagi kelab atau persatuan yang anda sertai.



C. Kelab Rukun Negara sekolah anda bercadang untuk menganjurkan Minggu Kesedaran Antirasuah peringkat sekolah. Buat satu kertas kerja untuk menjalankan aktiviti tersebut.

KERTAS KERJA
**PROGRAM
 PELAKSANAAN MINGGU
 KESEDARAN ANTIRASUAH**

1

Kulit hadapan

2

Kandungan kertas kerja

- Tajuk
- Tarikh
- Masa
- Tempat
- Penganjur

3

Tujuan program diadakan

4

Objektif program

5

Butiran program

- Bilangan peserta
- Cadangan tarikh
- Atur cara
- Tempat
- Ahli jawatankuasa program

6

Kewangan

- Sumber kewangan
- Anggaran perbelanjaan

7

Penutup

- A. Penyalahgunaan kuasa juga ialah perbuatan yang tidak berintegriti dalam organisasi. Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan.

Situasi:

Ramesh merupakan Pengerusi Kelab Muzik di SMK Taman Wawasan. Dia dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah untuk menjaga bilik muzik dan semua peralatan muzik yang terdapat di dalamnya. Sebagai pengerusi kelab, dia telah membawa pulang alat-alat muzik dari sekolah untuk digunakan semasa majlis hari lahir adiknya.

1. Nyatakan perbuatan tidak berintegriti yang dilakukan oleh Ramesh.
 2. Mengapakah Ramesh tidak patut bertindak sedemikian?
 3. Nyatakan perasaan anda terhadap perbuatan yang dilakukan oleh Ramesh.
- B. Banyak pihak perlu memainkan peranan bagi mengatasi isu integriti dalam organisasi. Sebagai murid, anda juga boleh memainkan peranan penting bagi menangani isu ini.
1. Lukis poster berkaitan dengan isu integriti dalam organisasi.
 2. Pamerkan poster anda di sudut kelas.



C. Pelbagai cara dilakukan untuk membendung perbuatan tidak berintegriti dalam organisasi. Berdasarkan gambar di bawah, jawab soalan yang diberikan.

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Mesej
Integriti
KPM Siri
27 Tahun
2019

AMARAN

Sesiapa yang didapati
mengetik kad perakam
waktu orang lain, **TINDAKAN
TATATERTIB** akan diambil
ke atasnya.

Rujukan:

- Surat Pekeliling Am Bil. 11 of 1981 - Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (Punch Card) di Pejabat-pejabat Kerajaan
- Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004 - Penggunaan Sistem Perakam Waktu Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan

PEKERJA yang **JUJUR** dan **AMANAH**:

- ✓ **TIDAK** datang lewat ke pejabat;
- ✓ **TIDAK** mengetik kad perakam waktu orang lain;
- ✓ **TIDAK** memalsukan laporan kehadiran ke pejabat; dan
- ✓ **TIDAK** keluar pejabat tanpa kebenaran.

Oleh: Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Malaysia
Telefon: 03-88847924 / 03-88847982 | Faksimili: 03-88847922

1. Mengapakah perbuatan ponteng kerja ialah perbuatan yang tidak berintegriti dalam sesebuah organisasi?
2. Apakah perbuatan yang termasuk dalam salah laku “curi tulang” di sesebuah organisasi?
3. Rakan anda meminta anda mengetik kad perakam waktunya. Apakah tindakan yang patut anda lakukan? Berikan justifikasi.

A. Antara perbuatan berintegriti dalam organisasi termasuklah menepati masa.




1. Nyatakan contoh perbuatan menepati masa dalam sesebuah organisasi.
2. Jelaskan kepentingan menepati masa dalam sesebuah organisasi.
3. Andaikan anda ketua di sebuah organisasi, nyatakan cara anda mengatasi masalah pekerja yang tidak menepati masa.

B. Lengkapkan peta minda di bawah.



UNIT 6


BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT



Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud sikap berperikemanusiaan.
- menjelaskan sikap berperikemanusiaan ke arah kesejahteraan sejagat.
- menghuraikan kepentingan sikap berperikemanusiaan ke arah kesejahteraan sejagat.
- mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan ke arah kesejahteraan sejagat.
- mengamalkan sikap berperikemanusiaan ke arah kesejahteraan sejagat.

Tangan yang memberi lebih mulia daripada tangan yang menerima.



Cadangan Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Baik hati
- Berterima kasih
- Kasih sayang





Sikap berperikemanusiaan merujuk sikap tolong-menolong, mengasihani dan mempunyai perasaan bertimbang rasa kepada pihak lain. Sikap ini perlu diterapkan oleh setiap individu.

Sikap Berperikemanusiaan untuk Kesejahteraan Sejagat



Saya memahami kesusahan masyarakat sejagat yang ditimpa bencana alam. Oleh itu, saya akan menyertai pasukan sukarelawan untuk membantu mereka.



Saya berasa kasihan akan kanak-kanak mangsa pelarian perang yang mendapat perlindungan di Malaysia. Mereka tercicir dalam pelajaran. Saya membantu mereka dengan menjadi tenaga pengajar sukarela.



Saya akan memberikan sokongan kepada pihak yang berusaha menjalankan misi bantuan kemanusiaan. Contohnya, saya akan menulis blog mengenai misi tersebut sebagai tanda sokongan.



Saya menderma sejumlah wang kepada Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa untuk membiayai kos penyediaan anggota badan palsu bagi golongan yang memerlukan.

Saya mencintai suasana yang aman dan selamat. Saya berasa sedih kerana ada pihak yang mencetuskan peperangan.



Saya mengasihani hidupan liar yang menjadi mangsa penyeludupan ke negara-negara lain. Saya tidak akan membeli barangan yang diperbuat daripada hidupan liar.



Saya menghargai nyawa manusia sejagat. Saya sangat empati melihat kanak-kanak yang kebuluran di Afrika.



Saya bersimpati dengan nasib pelarian perang yang kehilangan tempat berlindung. Saya menyokong usaha kerajaan memberikan perlindungan kepada mereka di negara ini.



REFLEKSI

Bagaimanakah sikap berperikemanusiaan dapat melahirkan masyarakat sejagat yang bersifat penyayang? Bincangkan.

Masyarakat bertanggungjawab untuk mengamalkan sikap berperikemanusiaan sama ada di dalam negara atau di luar negara. Kita patut menghargai nyawa dan mengambil kira keperluan pihak lain. Sikap berperikemanusiaan ini sangat penting dalam kehidupan masyarakat sejagat. Yang berikut merupakan kepentingan sikap berperikemanusiaan:

Mengekalkan Keamanan Sejagat



Mengelakkan perselisihan faham antara negara

Merapatkan Hubungan Diplomatik



Melahirkan hubungan yang baik antara negara

Mengurangkan Beban Pihak yang Memerlukan Bantuan



Meneruskan kelangsungan hidup

Mudah Mendapat Bantuan



Menerima bantuan daripada negara lain

Memupuk Perpaduan Sejagat



Mengukuhkan sikap saling bekerjasama ketika menghadapi masalah

Kepentingan Sikap Berperikemanusiaan

Seseorang yang mempunyai sikap berperikemanusiaan menyedari bahawa bukan semua orang mempunyai kehidupan yang baik. Oleh itu, mereka berasa bangga dan berpuas hati apabila dapat membantu individu yang memerlukan pertolongan.

A. Baca dan fahami wawancara di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.

Darren:

Selamat petang, Puan Lim. Terima kasih kerana sudi hadir untuk wawancara ini. Adakah puan baru pulang dari negara jiran yang mengalami bencana tsunami?

Puan Lim:

Ya, saya dan pasukan membawa bantuan kemanusiaan ke sana. Kasihan mangsa-mangsa tsunami di sana. Tempat tinggal dan harta benda musnah, malah ramai yang kehilangan nyawa.

Darren:

Oh, kasihan sungguh! Apakah bantuan yang telah diberikan kepada mereka?

Puan Lim:

Berbagai-bagai bantuan telah kami berikan. Bantuan tersebut termasuklah wang, makanan, perubatan dan bekalan air bersih.

1. Kenal pasti sikap berperikemanusiaan yang terdapat dalam wawancara di atas.
2. Jelaskan perasaan anda sekiranya anda dapat memberikan sumbangan kemanusiaan kepada mangsa tsunami.
3. Bincangkan kepentingan bantuan kemanusiaan tersebut kepada mangsa. Bentangkan hasil tersebut di hadapan kelas dalam bentuk peta pemikiran.

B. Teliti poster di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

RAYUAN MISI TABUNG KEMANUSIAAN

HULURKAN TANGAN, RINGANKAN BEBAN

**Bantuan Kemanusiaan
Mangsa Peperangan**

**Bantuan Kemanusiaan
Bencana Alam**

Sila hubungi
03-7733 5920
untuk keterangan lanjut.

1. Apakah tindakan yang boleh anda lakukan selepas melihat poster di atas? Berikan alasan.
2. Senaraikan bentuk bantuan kemanusiaan yang boleh diberikan.
3. Anda telah dilantik untuk mengurus satu projek amal. Sediakan kertas kerja untuk melaksanakan projek amal tersebut. Bentangkan.



Dilema Moral

Anda telah mendapat peluang menjadi sukarelawan misi kemanusiaan di luar negara. Pada masa yang sama, anda telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di luar negara.

Apakah yang patut anda lakukan? Berikan alasan.



Kertas Kerja
Projek Amal

A. Keratan berita di bawah berkaitan dengan pembuangan sisa plastik.

9.6.2019/AHAD

BERITA TERKINI

PERKETAT PEMERIKSAAN KONTENA

KUALA LUMPUR, 9 Jun – Pemeriksaan lebih ketat akan dilakukan terhadap kontena di semua pelabuhan bagi memastikan tiada bahan sisa plastik yang dilarang terlepas masuk ke negara ini. Ketua Pengarah Kastam berkata, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi membanteras kegiatan haram itu. Isu sisa plastik mendapat perhatian apabila media melaporkan beratus-ratus kontena di Pelabuhan Klang yang diperiksa oleh pihak berkuasa mengandungi sisa plastik haram.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *sinarharian.com.my*, 9 Jun 2019)

1. Kerajaan mengambil tindakan di atas disebabkan sikap berperikemanusiaan terhadap masyarakat. Berikan justifikasi anda terhadap tindakan pihak kerajaan tersebut.
2. Secara berkumpulan, bincangkan implikasi pembuangan sisa plastik terhadap hidupan marin. Hasilkan brosur dan bentangkannya di hadapan kelas.
3. Masyarakat penyayang tidak akan sesuka hati membuang sisa pepejal yang mencemarkan persekitaran. Berikan pendapat anda.

B. Teliti maklumat di bawah dan lakukan aktiviti Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share) berdasarkan kenyataan yang diberikan.



UAE Sumbang Bekalan Perubatan

Emiriah Arab Bersatu (UAE) memberikan sumbangan sebanyak 14 000 botol cecair pembasmi kuman dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BH ONLINE, 12 Mei 2020)

MAEPS jadi pusat kuarantin, rawat PATI positif COVID-19

Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), digunakan sebagai pusat kuarantin pendatang asing tanpa izin (PATI) yang disahkan positif COVID-19.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada myMetro, 25 Mei 2020)



Terima Kasih MALAYSIA!

Saya berasa amat gembira dan lega apabila doktor memaklumkan saya telah pulih sepenuhnya daripada jangkitan COVID-19. Semasa saya menerima rawatan di wad, staf hospital sentiasa bersedia membantu. Mereka sentiasa bertindak secara profesional dan banyak memberikan sokongan emosi. Saya amat menghargai bantuan yang diberikan. Kini, saya sedar betapa pentingnya menjaga dan menghargai kesihatan sendiri. Saya akan lebih mementingkan kesihatan dan berhenti merokok selama-lamanya.

Maklumat 3

Surat penghargaan daripada warganegara China yang mendapat rawatan COVID-19 di Malaysia.

1. Secara berpasangan, fikir dan bincangkan perkara yang berikut:
 - a. Kepentingan kerjasama Malaysia dengan negara lain dalam mengekang wabak COVID-19.
 - b. Kewajaran kerajaan Malaysia membuat pemeriksaan dan rawatan COVID-19 kepada pendatang tanpa izin dan pelancong asing yang berada di Malaysia.
 - c. Amalan nilai universal yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia bagi mencegah penularan wabak COVID-19.
2. Kongsikan hasil dapatan anda dengan rakan sekelas dalam bentuk forum.



A. Perkataan di bawah adalah tentang sikap berperikemanusiaan. Cari perkataan tersebut di dalam kotak silang kata.

mengasihani

membantu

bertimbang rasa

simpati

empati

menyayangi

N	A	M	E	N	Y	A	Y	A	N	G	I	K	L	H
M	Z	E	L	O	A	L	E	N	B	N	P	L	E	I
E	R	N	A	N	N	A	S	I	A	E	O	V	W	J
M	E	A	S	T	G	F	S	H	N	S	E	O	D	G
B	S	I	M	P	A	T	I	O	Y	P	M	E	R	F
A	F	K	E	S	S	S	R	E	Z	U	I	S	S	R
N	I	I	R	I	A	U	W	R	M	L	S	T	I	D
T	L	A	I	G	N	A	E	M	P	A	T	I	J	E
U	M	D	N	A	G	R	A	M	P	H	E	M	O	S
A	B	E	R	T	I	M	B	A	N	G	R	A	S	A
N	M	U	W	I	N	G	A	K	O	U	I	L	A	N

1. Adakah anda mempunyai sikap berperikemanusiaan seperti yang di atas? Ceritakan.

2. Apakah kebaikan sikap berperikemanusiaan kepada diri anda?

B. Maklumat di bawah berkaitan dengan tawaran menjadi sukarelawan.

Sukarelawan digelar sebagai seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah. Perbuatan tersebut dilakukan dengan niat yang ikhlas dan tidak mengharapkan balasan. Satu daripada pertubuhan sukarelawan di Malaysia ialah Malaysian Medical Relief Society (MERCY). MERCY ditubuhkan untuk menyediakan platform bagi rakyat Malaysia bersatu dan memainkan peranan mereka pada peringkat antarabangsa.

SUKARELAWAN MALAYSIA

KAMI MENCARI SUKARELAWAN MISI KEMANUSIAAN

JOM SERTAI KAMI



1. Adakah anda akan mendaftar diri sebagai sukarelawan? Mengapa?
2. Senaraikan badan sukarelawan yang banyak membuat misi bantuan kemanusiaan sejagat.
3. Pilih satu daripada badan sukarelawan yang disenaraikan.
4. Secara berkumpulan, cari maklumat melalui Internet tentang peranan badan sukarelawan yang telah dipilih. Bentangkan maklumat tersebut di hadapan kelas.

A. Baca situasi di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

“Negara X telah menghantar bantuan kemanusiaan ke sebuah kem mangsa peperangan yang terletak di negara Y. Namun begitu, bantuan tersebut tidak dapat disampaikan kerana terdapat pelbagai kekangan.”

Sukarelawan Malaysia

1. Apakah perasaan anda apabila membaca situasi di atas? Berikan alasan.
2. Pada pendapat anda, mengapakah mangsa peperangan di kem tersebut sangat memerlukan bantuan kemanusiaan?
3. Sebagai rakyat Malaysia, apakah bantuan yang akan anda berikan?

B. Zoo Negara telah memperkenalkan program haiwan angkat yang hampir pupus. Program ini merupakan satu daripada langkah untuk membiayai kos pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar.



(Gambar Ihsan: Leong Hooi Li)

1. Apakah kepentingan program haiwan angkat yang dianjurkan oleh Zoo Negara ini?
2. Selain program di atas, bagaimanakah anda dapat membantu negara dalam usaha memelihara dan melindungi hidupan liar?

**WARGANEGARA BERTANGGUNGJAWAB
NEGARA SEJAHTERA**

Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud warganegara yang bertanggungjawab.
- menjelaskan ciri warganegara yang bertanggungjawab.
- menghuraikan kepentingan menjadi warganegara yang bertanggungjawab.
- mengekspresikan perasaan apabila melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara.
- melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian.

Adakah anda mempunyai ciri warganegara yang bertanggungjawab?

Cadangan Nilai

- Bertanggungjawab
- Berterima kasih
- Hormat
- Patriotisme

Sebagai warganegara, kita mempunyai hak seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan negara. Warganegara yang bertanggungjawab ialah warganegara yang mematuhi peraturan dan bertindak mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan oleh perlembagaan negara serta mendukung prinsip Rukun Negara. Yang berikut adalah antara ciri warganegara yang bertanggungjawab:

Ciri Warganegara yang Bertanggungjawab

Agama sebagai Teras Hidup

- Saling membantu tanpa mengira bangsa, agama atau kepercayaan yang diamalkan
- Memikul tanggungjawab dengan baiknya serta menjadikan agama atau kepercayaan sebagai pegangan hidup

Menjaga Imej Negara

- Tidak memburukkan imej negara
- Menghormati simbol kemegahan negara

Mempunyai Semangat Patriotik

- Mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan diri
- Sanggup menggadaikan nyawa demi negara



Mendukung Demokrasi

- Melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi apabila layak untuk memilih pemimpin
- Menggunakan hak dan kebebasan bersuara tanpa menjejaskan keamanan dan keharmonian negara

Mengutamakan Keselamatan Negara

- Menganggotai jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan perumahan bagi menjaga keselamatan persekitaran
- Melaporkan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kestabilan negara

Bermoral dan Berintegriti Tinggi

- Tidak terlibat dalam aktiviti tidak bermoral
- Bersikap amanah, telus dan bersih

Berilmu Pengetahuan dan Berkemahiran Tinggi

- Sentiasa berusaha mencari, mengamalkan dan menyebarkan ilmu yang dimiliki
- Menghasilkan pelbagai inovasi bagi meningkatkan produktiviti negara

Mengekalkan Masyarakat yang Bersatu Padu

- Sentiasa mengekalkan keharmonian antara kaum
- Menerima, menghormati serta mengurus perbezaan agama atau kepercayaan, bangsa dan kebudayaan masyarakat Malaysia

Kepentingan Menjadi Warganegara yang Bertanggungjawab



Meningkatkan Kesedaran dan Semangat Juang yang Tinggi

- Mengembangkan potensi diri untuk meningkatkan imej negara
- Menjaga maruah dan imej negara



Menguatkan Identiti dan Perpaduan dalam Kalangan Warganegara

- Semangat kekitaan yang tinggi dalam usaha membina negara bangsa
- Berbangga menjadi rakyat Malaysia



Melahirkan Warganegara yang Mempunyai Kekuatan dan Ketahanan Jiwa

- Berkeyakinan untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan harian
- Sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama atau kepercayaan dan nilai universal



Menjaga Keselamatan Rakyat

- Menjamin keharmonian antara kaum
- Kehidupan lebih aman dan harmoni

Meningkatkan Kestabilan Pentadbiran Negara

- Pemimpin yang berintegriti
- Meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pemimpin



Melahirkan Warganegara yang Bermaklumat

- Boleh membuat penilaian yang bijak dalam ledakan maklumat tanpa sempadan
- Membuat keputusan berasaskan fakta dan ilmu



Memastikan Kesihatan Rakyat Terpelihara

- Meningkatkan kemudahan kesihatan dengan baiknya dan bertanggungjawab
- Memastikan kesihatan rakyat sentiasa berada pada tahap yang baik

Kita pasti akan gembira dan bangga apabila setiap individu mempunyai ciri sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Warganegara yang bertanggungjawab boleh dibuktikan dengan tindakan yang dilakukan dalam kehidupan harian.



A. Teliti beberapa isu di bawah dan bincangkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh setiap warganegara agar perkara tersebut tidak berulang.



1. Bagaimanakah anda boleh memainkan peranan membina imej negara yang baik dalam mengatasi isu tersebut?
2. Jelaskan manfaat yang akan diperolehi negara sekiranya anda berjaya membantu kerajaan dalam penyelesaian isu-isu tersebut.
3. Nyatakan perasaan anda apabila anda dapat menaikkan imej Malaysia.



“Usah bertanya sumbangan negara terhadap anda, tetapi bertanyalah sumbangan anda terhadap negara.”

Nyatakan sumbangan yang telah anda berikan kepada negara.

B. Kee Siong merupakan bekas murid kolej vokasional yang telah berjaya melanjutkan pelajaran di luar negara dalam bidang kejuruteraan. Kerajaan telah membantu beliau dengan memberikan biasiswa penuh semasa beliau belajar di luar negara. Setelah tamat pengajian, beliau telah mengalami dilema untuk memilih bekerja di luar negara atau di dalam negara.

1. Senaraikan kelebihan bekerja di luar negara dan di dalam negara.

Kelebihan bekerja di luar negara	Kelebihan bekerja di dalam negara
• Gaji lumayan	• Gaji lumayan
• Peluang bekerja di syarikat ternama dunia	• Berbakti kepada negara
• _____	• _____
• _____	• _____
• _____	• _____
• _____	• _____

2. Bagaimanakah anda membuat pilihan terbaik dalam situasi tersebut? Berikan justifikasi anda.
3. Bagaimanakah anda melaksanakan tanggungjawab kepada negara dengan kepakaran yang anda miliki?



Dilema Moral



Anda meminati bidang kejuruteraan kimpalan sesuai dengan bidang yang dipelajari semasa di kolej vokasional dan institusi pengajian tinggi. Selepas tamat pengajian, anda bercadang untuk bekerja di sebuah syarikat kimpalan terkemuka. Pada masa yang sama, khidmat anda diperlukan untuk keselamatan negara. Nyatakan pilihan anda dan justifikasinya.

A. Satu daripada ciri warganegara yang baik adalah dengan menyumbang kepada pendapatan negara. Hal ini boleh dilakukan dengan cara menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai pendapatan. Sebagai bakal pembayar cukai pendapatan, teliti maklumat berkaitan dengan cukai pendapatan yang diberikan. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya.

PERKARA BERKAITAN DENGAN CUKAI PENDAPATAN

1 Pendapatan Bercukai

- Kenal pasti jumlah pendapatan tahunan individu yang layak dikenakan cukai

2 Pengecualian Cukai

- Kenal pasti beberapa jenis pendapatan yang dikecualikan cukai
- Kenal pasti syarat-syarat yang ditetapkan

3 Potongan Cukai

- Derma dan hadiah yang diberikan kepada badan-badan yang diiktiraf kerajaan
- Tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan

4 Tanggungjawab Individu

- Menyerahkan borang taksiran dan membayar cukai
- Mengisytiharkan semua pendapatan, potongan, pelepasan serta rebat cukai dengan jujurnya dan betulnya
- Menyimpan semua dokumen yang berkaitan untuk tempoh 7 tahun
- Bersedia untuk diaudit oleh LHDN apabila diminta berbuat demikian

5 Kadar Cukai

- Ditetapkan oleh kerajaan dan tertakluk pada sebarang perubahan
- Diumumkan semasa pembentangan belanjawan negara pada setiap tahun

6 Rebate Cukai

- Rebate cukai ialah keistimewaan yang diberikan untuk mengurangkan jumlah cukai perlu dibayar
- Ditolak terus daripada jumlah cukai perlu dibayar

7 Pelepasan Cukai

- Merujuk perbelanjaan atau perkara-perkara yang dibenarkan untuk ditolak daripada jumlah pendapatan tahunan bagi mengurangkan cukai

[Sumber: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)]

1. Layari laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang cukai pendapatan individu. Kemudian, bentangkan dapatan dengan menggunakan pelbagai media.
2. Jelaskan kepentingan anda menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar cukai pendapatan.

B. Muat turun borang cukai pendapatan individu dan isi borang tersebut dengan bimbingan guru.

C. Buat risalah tentang tanggungjawab membayar cukai untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai. Kemudian, sebarkannya melalui pelbagai media sosial.



Wajarkah mereka yang enggan membayar cukai dikatakan pengkhianat negara? Bincangkan.




Risalah
Tanggungjawab
dan Hak Individu



Paparan
Borang Cukai
Pendapatan

A. Kerajaan mengumumkan bahawa warganegara yang berumur 18 tahun ke atas layak mengundi. Sebagai warganegara, anda bertanggungjawab untuk menunaikan hak sebagai pengundi.



1. Apakah ciri pemimpin pilihan anda?
2. Bagaimanakah pilihan anda itu memberikan kesan kepada negara?

B. Dapatkan maklumat tentang proses pilihan raya. Kemudian, jalankan simulasi proses pilihan raya tersebut.



REFLEKSI

Adakah anda berpuas hati jika terlibat dalam pemilihan kepimpinan negara? Jelaskan.



Tempat tinggal anda jauh dari tempat berdaftar sebagai pengundi. Ketika hari mengundi, majikan anda tidak membenarkan anda bercuti kerana anda perlu menghadiri mesyuarat penting. Apakah tindakan yang patut anda lakukan demi menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi?

- A. Kerajaan telah mewujudkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memberikan pinjaman pendidikan kepada rakyat yang ingin melanjutkan pelajaran.



1. Sekiranya anda peminjam dana tabung pendidikan, apakah yang perlu anda lakukan?
2. Jelaskan ciri warganegara yang bertanggungjawab dalam aspek membalas jasa kerajaan yang menyediakan perkhidmatan tersebut.
3. Mengapakah anda perlu menunaikan tanggungjawab membuat bayaran balik pinjaman yang diberikan oleh kerajaan?
4. Apakah perasaan anda apabila berjaya melunaskan bayaran pinjaman pendidikan anda? Jelaskan.
5. Bagaimanakah anda menasihati peminjam lain agar membuat bayaran balik pinjaman pendidikan mereka?

- B. Bincangkan peranan anda sebagai warganegara yang bertanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian hidup rakyat Malaysia.



UNIT 8

PERPADUAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN KEPADA MALAYSIA



Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- menjelaskan cara memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- menghuraikan kepentingan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- mengekspresikan perasaan apabila dapat hidup bersatu padu dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- mengamalkan hidup bersatu padu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Benarkah perpaduan menjadi asas kesejahteraan masyarakat Malaysia?

Cadangan Nilai

- Baik hati
- Hormat
- Kerjasama
- Toleransi



Perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia dibentuk melalui prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, masyarakat Malaysia perlu bergerak seiring ke arah kesejahteraan negara. Maksud perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah seperti yang berikut:

Maksud Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat Malaysia




Ikatan persahabatan, keharmonian, kesatuan dan muhibah sesama masyarakat.



Semangat perkongsian, saling menghormati dan menanam sikap toleransi sesama masyarakat Malaysia.



Penyatuan tenaga, fikiran, cita-cita dan pengorbanan dalam satu ikatan yang padu, kuat dan maju.



Proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai yang sama serta perasaan cinta akan Malaysia.

Masyarakat Malaysia perlu bersatu, bekerjasama dan menyayangi Malaysia. Yang berikut merupakan cara memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia untuk kesejahteraan negara:

Cara Memupuk Perpaduan

1.

Bergaul tanpa mengira kaum

- Tidak memilih kawan
- Tidak menimbulkan syak wasangka

2.

Berkomunikasi secara berhemah

- Menggunakan panggilan nama yang sesuai
- Menggunakan bahasa yang sopan

3.

Menghindari perbuatan yang boleh menimbulkan sebarang provokasi

- Menyelesaikan isu tanpa membezakan kaum
- Tidak berprasangka buruk antara satu sama lain

4.

Menerima kepelbagaian makanan

- Boleh menikmati makanan kaum lain
- Menjaga sensitiviti terhadap makanan yang dilarang dalam agama atau kepercayaan kaum lain
- Menghormati makanan kaum lain

5.

Menghormati pegangan agama atau kepercayaan

- Tidak menghina amalan agama atau kepercayaan kaum lain
- Menghormati upacara keagamaan kaum lain
- Tidak mencerooboh rumah ibadat agama lain



Rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat hidup aman kerana perpaduan yang kukuh. Terdapat beberapa kepentingan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Keentingan Memupuk Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat Malaysia

Mewujudkan masyarakat harmoni

Hidup tanpa persengketaan antara satu sama lain

Pemangkin kecemerlangan Malaysia

Meningkatkan imej dan kemajuan negara

Memajukan ekonomi negara

Meningkatkan pendapatan negara dalam pelbagai sektor



Menjamin keamanan negara

Saling memahami antara satu sama lain

Mengekalkan kestabilan politik

Pentadbiran negara berjalan lancar

Melahirkan perasaan cinta akan Malaysia

Semangat patriotik yang tinggi kepada negara

Amalan Hidup Bersatu Padu dalam Masyarakat Malaysia



Meraikan hari perayaan kaum bersama-sama

- Memberikan ucapan bersempena dengan perayaan yang diraikan
- Menghadiri rumah terbuka



Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan

- Menyertai aktiviti gotong-royong
- Menjaga keselamatan masyarakat setempat



Memupuk perpaduan di kawasan kejiranan

- Menghormati sesama jiran
- Bertegur sapa dengan jiran
- Bertolak ansur dengan jiran

Kita perlu berasa bangga apabila dapat hidup dalam masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.



- A. Ramu baru berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Siantan.
1. Berdasarkan kata kunci di bawah, nyatakan cara Ramu dan rakan-rakan dapat membentuk perpaduan di sekolah tersebut.



Bekerjasama



Menghormati



Menerima

2. Andaikan anda dalam situasi tersebut, jelaskan perasaan anda apabila dapat menjalankan aktiviti bersama-sama dengan rakan baharu.



Bahasa sebagai alat penyatuan di Malaysia. Bahaskan.



Elemen Perpaduan

- B. Rukun Negara diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan ulang tahun ke-13 kemerdekaan Malaysia. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan bagi membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Lima Prinsip Rukun Negara



1. Bagaimanakah prinsip Rukun Negara dapat membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia?
2. Cari maklumat tentang Kelab Rukun Negara yang ditubuhkan di sekolah anda.
 - a. Apakah tujuan Kelab Rukun Negara ditubuhkan?
 - b. Huraikan kepentingan penubuhan Kelab Rukun Negara. Bentangkan hasil dapatan anda.

A. Fahami dan jawab soalan berdasarkan situasi yang diberikan.

Situasi

1



Rakan baik anda menggunakan media sosial untuk menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap rakannya. Dia sering menggunakan perkataan yang boleh menimbulkan kemarahan rakannya.

Situasi

2



Adik anda enggan bertegur sapa dengan jiran kerana kurang kemahiran berkomunikasi.

Situasi

3



Anda berbakat dalam permainan bola keranjang dan berminat untuk menyertainya. Namun begitu, anda kurang selesa kerana permainan itu dimonopoli oleh kumpulan tertentu.

1. Nyatakan cara anda menyelesaikan situasi di atas.
 2. Mengapakah kita perlu mengukuhkan perpaduan?
 3. Apakah perasaan anda apabila perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan rakan pelbagai kaum?
- B. Kongsi pengalaman anda berinteraksi dengan rakan-rakan daripada pelbagai kaum.
- C. Hasilkan komik ringkas yang menunjukkan semangat perpaduan.

D. Bagaimanakah perpaduan dapat dicapai melalui budaya pelbagai kaum seperti makanan dan cara pemakaian?



Dilema Moral

Selesaikan dilema moral di bawah dengan menggunakan aktiviti sumbang saran.

Encik Lee mengundang Kumaran sekeluarga untuk menghadiri jamuan majlis perkahwinan anaknya. Ibu Kumaran enggan menghadirinya kerana majlis itu diadakan pada waktu malam. Kumaran pula telah bersetuju untuk menghadirinya kerana Encik Lee sering membantu keluarganya sebelum ini. Encik Lee berharap agar Kumaran sekeluarga dapat hadir.

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kumaran? Berikan justifikasi anda.





Murid Melayu Mahir Tarian Singa

MARANG, 27 Januari - Jika kebiasaannya tarian singa dipersembahkan oleh masyarakat Cina di negara ini, namun sekumpulan murid berbangsa Melayu dari Sekolah Kebangsaan (SK) Jerong, di sini meraikan kepelbagaian budaya dengan menguasai tarian itu.

Mereka menerima bimbingan jurulatih Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu, Chai Teck Tee, sejak Julai tahun lalu. Kini, mereka semakin mendapat perhatian masyarakat Cina di negeri ini apabila turut mendapat undangan mengadakan persembahan dalam majlis keraian dan semasa perayaan Tahun Baharu Cina.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 27 Januari 2020)

- Berdasarkan petikan berita di atas, bagaimanakah tarian singa ini dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia?
- Dengan menggunakan bahan kitar semula, hasilkan kraf tangan berbentuk kepala singa. Kemudian, pamerkannya di hadapan kelas.



- A. Sekolah anda akan menganjurkan Malam Kebudayaan. Sebagai murid yang menyertai aktiviti itu, jawab soalan yang berikut:



1. Apakah aktiviti kebudayaan yang sesuai untuk memupuk perpaduan?
2. Pada pendapat anda, bagaimanakah institusi pendidikan memainkan peranan penting bagi memupuk perpaduan dalam kalangan murid?
3. Selain aktiviti kebudayaan, nyatakan aktiviti lain yang dapat mengukuhkan perpaduan.

SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN RAKYAT MALAYSIA MELANGKAUI BATASAN KAUM

- B. Bagaimanakah masyarakat Malaysia dapat mengekalkan perpaduan berdasarkan pernyataan di atas?

UNIT 9

CAKNA KEWANGAN



Dalam unit ini, murid dapat:

- menyenaraikan pelbagai sumber kewangan yang diperolehi secara beretika.
- menjelaskan cara mengurus kewangan secara beretika.
- menghuraikan kepentingan mengurus kewangan secara beretika.
- mengekspresikan perasaan apabila mengurus kewangan secara beretika.
- mengamalkan amalan mengurus kewangan secara beretika demi kesejahteraan negara dalam kehidupan harian.

Jika kita bijak mengurus kewangan,
hidup lebih terjamin.



Cadangan Nilai

- Bertanggungjawab
- Kejujuran
- Kesederhanaan
- Kebebasan



Setiap individu seharusnya mengetahui cara pengurusan kewangan secara beretika. Apabila kita berjaya mengurus kewangan yang diperolehi secara beretika, kehidupan kita menjadi lebih terurus dan terjamin. Yang berikut adalah antara sumber kewangan yang diperolehi secara beretika:

Sumber Kewangan yang Diperoleh secara Beretika

Gaji



Upah yang diperolehi selepas melakukan sesuatu pekerjaan

Biasiswa



Bantuan kewangan yang diberikan kepada murid atau mahasiswa

Simpanan



Wang yang disimpan sama ada di rumah atau di institusi kewangan seperti bank

Dividen Saham




Keuntungan yang dibayar kepada pemegang saham

Harta Pusaka



Wang atau harta benda yang diperolehi daripada peninggalan pusaka atau warisan keluarga

Setiap murid mendapat sumber kewangan daripada ibu bapa ataupun biasiswa yang diberikan oleh pihak tertentu. Seseorang yang mempunyai sumber kewangan perlu mengetahui cara mengurus wang secara beretika.



Kad kredit perlu digunakan secara beretika untuk mengelakkan bebanan hutang.

Kepentingan Mengurus Kewangan secara Beretika

Mengelakkan bebanan hutang

- Tidak perlu membayar faedah hutang kad kredit yang tinggi
- Tiada hutang pinjaman bank yang melampau

Menjimatkan wang perbelanjaan

- Berbelanja mengikut keperluan sahaja
- Merancang kegunaan wang

Membentuk kehidupan lebih harmonis

- Tiada perselisihan faham dalam keluarga
- Dapat memenuhi keperluan keluarga

Mempunyai tabungan atau simpanan

- Boleh digunakan semasa kecemasan
- Tidak mengharapkan bantuan orang lain

Meningkatkan imej diri

- Membina keyakinan diri
- Dihormati oleh orang lain



Kejayaan mengurus kewangan akan melahirkan perasaan gembira kepada setiap individu kerana mereka tidak perlu berasa bimbang tentang kehidupan masa depan.



Pengurusan kewangan merujuk proses pengendalian sumber kewangan menerusi kaedah tertentu mengikut garis panduan yang betul. Contohnya, mengurus pendapatan dan perbelanjaan.

A. Gambar di bawah berkaitan dengan Chee Seng yang baru mendapat gaji pertama.



Gaji bulan ini sudah dapat.
Apakah yang patut saya
buat dengan wang ini?



1. Bagaimanakah Chee Seng dapat mengurus wang gajinya secara beretika?
2. Huraikan kepentingan Chee Seng mengurus wang gajinya secara beretika.
3. Andaikan anda Chee Seng, jelaskan perasaan anda apabila berjaya mengurus wang secara beretika.
4. Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu anda mengurus wang yang diperolehi?



Kegagalan mengurus kewangan akan memberikan kesan buruk kepada diri. Bincangkan.

B. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

SEGE LINTIR MASYARAKAT MALAYSIA MASIH KURANG BERMINAT UNTUK MENABUNG

1. Apakah respons anda apabila membaca pernyataan di atas?
2. Mengapakah pernyataan di atas berlaku dalam kalangan remaja?
3. Berdasarkan pengalaman anda, jelaskan kebaikan menabung kepada remaja.



Video AKPK
Pengurusan
Kewangan

SEDIKIT-SEDIKIT LAMA-LAMA MENJADI BUKIT

A. Baca situasi di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

Anda telah mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Reka Cipta Arca antara kolej vokasional. Anda menerima wang kemenangan sebanyak RM1000.00 berserta dengan sijil dan plak.

1. Bagaimanakah anda mengurus kewangan berdasarkan perkara di bawah?
 - a. Akaun simpanan
 - b. Tabung kecemasan

2. Lengkapkan jadual pengurusan kewangan di bawah.

Pendapatan		Perbelanjaan	
Perkara	RM	Perkara	RM
Wang di tangan	1000.00		
			
			
Jumlah pendapatan selepas ditolak simpanan dan tabungan kecemasan		Jumlah Perbelanjaan	
BAKI (PENDAPATAN – PERBELANJAAN) = 			

Jadual pengurusan kewangan

3. Bentangkan rancangan pengurusan kewangan anda di hadapan kelas.
4. Bandingkan dengan rakan yang lain.

B. Kelas anda telah mengambil bahagian dalam Hari Keusahawanan sekolah.

Hari Keusahawanan

Kolej Vokasional

Pelbagai produk makanan dan minuman, kraf tangan, cabutan bertuah, dan banyak acara yang menarik disediakan.

Tarikh: 1 Mac 20
Masa: 9:00 pagi
Tempat: Laman Bestari

Semua diundang hadir.

- I. Secara berkumpulan, sediakan anggaran belanjawan yang diperlukan berdasarkan kriteria di bawah.
 - a. Jumlah kutipan sumbangan daripada murid kelas anda
 - b. Sumbangan pihak lain (nyatakan pihak yang memberikan sumbangan)
 - c. Barangan yang akan dijual (nyatakan kuantiti dan kos)
 - d. Peralatan yang akan digunakan
 - e. Promosi
2. Bentangkan anggaran belanjawan yang disediakan dan kepentingan menyediakan belanjawan tersebut di hadapan kelas dengan menggunakan pelbagai media.
3. Buat rumusan tentang pengalaman anda menyediakan belanjawan tersebut.



Bagaimanakah penggunaan e-buku *Pengurusan Kewangan Peribadi* yang dikeluarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dapat membantu anda dalam pengurusan kewangan? Berikan justifikasi.



E-buku
Pengurusan
Kewangan
Peribadi

A. Lakukan aktiviti simulasi prosedur membuka akaun simpanan di bank.

Prosedur Pelaksanaan

1. Pilih bank berdasarkan kemudahan yang diberikan seperti kadar faedah dan kemudahan.
2. Isi borang untuk membuka akaun. Sila bawa kad pengenalan bersama-sama.
3. Anda akan diminta membuat pengesahan cap jari. Hal ini penting bagi melindungi identiti anda.
4. Sediakan wang masuk minimum. Setiap bank berbeza jumlah wang minimumnya.
5. Pegawai yang bertugas akan memberikan kad Mesin Teler Automatik (ATM) dan nombor pengenalan peribadi selepas semua dokumen lengkap.

BORANG PERMOHONAN PEMBUKAAN AKAUN BANK

Butiran Peribadi

Gelaran En Pn Cik

Nama mengikut KP atau Pasport

No. KP (Baru) [] - [] - [] No. KP (Lama) []

Tarikh Lahir [] - [] - [] Kewarganegaraan Malaysia Lain-lain

Alamat E-mel []

Alamat Rumah []

No. Tel. Rumah [] - [] No. Tel. Bimbit [] - [] Poskod []

Kediaman Milik Sendiri Milik Ibu Bapa Lain-lain Tempoh Menetap []
 Sewa Milik Saudara

Taraf Perkahwinan Berkahwin Bujang Bercerai
 Balu

Bilangan Tanggungan []

Nama Ibu Ciri ini adalah untuk keselamatan anda jika pengesahan diperlukan

Butir Pekerjaan

Nama Majikan/ Firma []

No. Tel. Pejabat [] - [] No. Faks Pejabat [] - []

Alamat Pejabat []

Jenis Perniagaan []

Jawatan []

Klasifikasi Perniagaan Milik Sendiri Kerajaan MNC/Senarai Awam Perkongasian Sendirian Berhad Lain-Lain

Tempoh Perkhidmatan/Dalam Perniagaan []


B. Hasilkan peta pemikiran tentang kepentingan menyimpan wang di bank. Bentangkannya di hadapan kelas.



Bagaimanakah pengurusan kewangan yang baik dapat menjamin masa depan anda? Jelaskan.

C. Teliti maklumat di bawah dan jawab soalan.

Individu yang membuat pinjaman wang daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) diwajibkan membuat bayaran balik pinjaman tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai cara untuk memudahkan bayaran balik pinjaman tersebut.



1. Mengapakah kerajaan menyediakan pelbagai kaedah pembayaran kepada peminjam PTPK?
2. Mengapakah cara pembayaran melalui potongan gaji dapat memberikan kebaikan kepada peminjam?
3. Berdasarkan maklumat di atas, secara berkumpulan hasilkan risalah tentang tatacara pembayaran balik pinjaman PTPK dan edarkannya kepada warga sekolah.

Portal Rasmi
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

PINJAMAN PTPK
SUDAHKAH ANDA MENJELASKANNYA?

KAEDAH MEMBAYAR PTPK

- MENERUSI KAUNTER PTPK DAN BSN
- KAD DEBIT
- KAD KREDIT
- PERBANKAN INTERNET

APA TUNGGU LAGI? JOM BAYAR!

Sebagai warganegara, jelaskan nilai yang patut diamalkan oleh peminjam PTPK dalam pelaksanaan tanggungjawab untuk membayar hutang mereka.

A. Baca dan fahami petikan akhbar di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

MANGSA SKIM CEPAT KAYA BUAT LAPORAN POLIS

KUANTAN, 17 Mac - Seorang lagi mangsa Skim Cepat Kaya membuat laporan polis dengan mendakwa telah mengalami kerugian sebanyak RM152 050.00 selepas menyertai pelaburan tunai yang ditawarkan oleh sebuah syarikat pengeluar kopi terkenal.

Wanita berusia 48 tahun itu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan di sini semalam, selepas tidak lagi menerima sebarang pulangan seperti yang dijanjikan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 17 Mac 2019)

1. Jelaskan risiko yang dihadapi oleh individu yang terlibat dengan Skim Cepat Kaya.
2. Cadangkan langkah yang boleh diambil bagi menangani isu Skim Cepat Kaya.
3. Mengapakah anda perlu mengelakkan diri daripada terlibat dengan Skim Cepat Kaya?

B. Situasi yang berikut adalah antara gaya hidup golongan muda yang memudaratkan diri.

Terdapat segelintir golongan muda terutama yang bekerja, gemar mengamalkan gaya hidup mewah. Mereka membeli kereta mewah, pakaian berjenama dan menggunakan kad kredit tanpa kawalan. Hal ini menyebabkan mereka dibebani hutang kerana perbelanjaan melebihi pendapatan.

Apakah cadangan anda agar golongan muda dapat mengatasi masalah di atas?



UNIT 10

MENINGKATKAN PENGIKTIRAFAN DUNIA TERHADAP NEGARA

Dalam unit ini, murid dapat:

- menyenaraikan contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia.
- menjelaskan cara mengharumkan nama negara di persada dunia.
- menghuraikan kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia.
- mengekspresikan perasaan apabila memberikan sumbangan untuk mengharumkan nama negara di persada dunia.
- memberikan sumbangan untuk mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian.



Benarkah Malaysia sudah berada di persada dunia?

Cadangan Nilai

- Keberanian
- Kerajinan
- Berdikari
- Patriotisme



Malaysia telah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang di persada dunia. Kejayaan tersebut termasuklah dalam bidang sukan, sains dan teknologi, inovasi, pertanian, kesenian, perubatan dan kerja-kerja kesukarelawanan. Selain itu, perkhidmatan dan barangan keluaran Malaysia juga telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Contoh Kejayaan Malaysia di Persada Dunia



1.

Malaysia Berupaya untuk Mengeluarkan Kereta Sendiri Setanding dengan Kereta Buat Negara Luar

- Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) dan Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA).
- Kereta nasional dieksport ke Australia, Singapura, United Kingdom dan sebagainya.

2.

Perkembangan Inovasi Malaysia pada Peringkat Dunia

- Malaysia menduduki tempat ke-33 dunia dalam senarai Indeks Inovasi Global (GII) 2020.
- Malaysia masih menjadi antara negara berpendapatan pertengahan yang berusaha untuk merapatkan jurang inovasi dengan negara berpendapatan tinggi.



3. Bangunan Pencakar Langit Setanding dengan Negara Luar

- Menara Berkembar Petronas merupakan bangunan tertinggi di dunia dari tahun 1998 hingga 2004.
- Menara ini merupakan satu daripada mercu tanda Kuala Lumpur.

4. Jaringan Pengangkutan Awam

- Sistem kereta api yang berteknologi tinggi dan bertaraf dunia seperti Transit Laju Massa atau Mass Rapid Transit (MRT) merupakan sistem rel kereta api automatik pembawa penumpang di kawasan bandar.
- Electric Train Service (ETS) pula merupakan kereta api berkelajuan tinggi yang dapat menjimatkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Padang Besar.

1

**Berusaha
bersungguh-sungguh,
berdaya maju dan
berdaya saing**

Rakyat sentiasa berfikiran proaktif dan tidak berputus asa.

2

**Berilmu dan
berkemahiran**

Rakyat sentiasa belajar untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran seiring dengan perkembangan masa ini.

3

**Mempunyai
integriti diri**

Rakyat sentiasa bersikap amanah, jujur dan bertanggungjawab.

**Cara Mengharumkan
Nama Malaysia
di Persada Dunia**

5

**Bersemangat
usahawan, kreatif
dan inovatif**

Rakyat sentiasa mencari peluang dan ruang untuk berjaya.

4

**Berani menyahut
dan menangani
cabaran**

Rakyat mempunyai keyakinan diri dan semangat tinggi untuk berjaya.

Meletakkan Malaysia di persada dunia

Walaupun Malaysia sebuah negara berpendapatan sederhana, namun Malaysia terkenal di seluruh dunia dengan pencapaiannya.

Memakmurkan dan memajukan Malaysia

Malaysia menjadi makmur kerana rakyatnya berkemahiran, berpengetahuan dan berbakti kepada negara.

Kepentingan Mengharumkan Nama Malaysia

Meningkatkan maruah dan imej Malaysia

Negara luar tidak memandang rendah terhadap keupayaan dan kebolehan Malaysia dalam semua bidang.

Menonjolkan keupayaan rakyat Malaysia di persada dunia

Rakyat Malaysia dan produk keluaran Malaysia boleh diterima dan menjadi kebanggaan masyarakat dunia.

Kita seharusnya berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia di persada dunia. Kita akan lebih teruja apabila dapat memberikan sumbangan untuk Malaysia. Sebagai rakyat, kita bertanggungjawab mengharumkan nama Malaysia agar menjadi lebih makmur dan berdaya maju.

A. Kerajaan Malaysia mengambil beberapa langkah bagi menangani penularan wabak COVID-19. Nyatakan peranan pelbagai pihak seperti yang di bawah bagi menangani isu tersebut dengan merujuk nilai universal yang diamalkan.



Sebagai murid



Sebagai guru



Sebagai ibu bapa



- B. Malaysia masih memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mencapai tahap negara maju, berinovatif dan berpendapatan tinggi.
1. Bagaimanakah program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) dapat menyumbangkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi di Malaysia dalam aspek yang berikut bagi meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap Malaysia?



2. Kepakaran tenaga pekerja Malaysia sudah diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Bincangkan.
- C. Jelaskan perasaan anda apabila dapat memberikan sumbangan kepada negara bagi meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap Malaysia.

PENGAYAAN

A. Berdasarkan pengetahuan anda, cari maklumat tentang produk dan perkhidmatan Malaysia yang diiktiraf di persada dunia.

Produk	Perkhidmatan
I. Makanan	I. Pengangkutan
 _____	 _____
 _____	 _____
 _____	 _____
 _____	 _____

B. Sebagai murid yang mempunyai ciri inovatif dan kreatif, cipta resipi berjenama Malaysia yang boleh diterima di seluruh dunia. Kemudian, promosikannya secara dalam talian.



Makanan	Resipi dan Cara Memasak	Anggaran Harga	Keistimewaan
			
			
			




- C. Danish Adham Nuqman Soon, murid program Seni Kulineri di Kolej Vokasional Langkawi telah memenangi 17 buah pingat dalam Kejohanan Cef Sedunia 2019. Beliau telah menyertai 17 kategori masakan dan berjaya membawa pulang tujuh pingat emas (satu emas cemerlang), sembilan pingat perak dan satu gangsa. Dengan kemenangan itu, sekali gus beliau meraih Piala *Outstanding Hot Cooking Chef* (Cef Luar Biasa) dalam kejohanan tersebut.



1. Bagaimanakah anak muda ini mengharumkan nama Malaysia?
2. Huraikan kepentingan anak muda ini memenangi pingat emas pada peringkat dunia.
3. Apakah nilai universal yang diamalkan oleh anak muda ini sehingga boleh menjadi juara dunia? Jelaskan.
4. Pada pendapat anda, adakah pilihan kerjaya anda dapat melonjakkan nama Malaysia di persada dunia? Jelaskan.
5. Bagaimanakah anda boleh memberikan sumbangan melalui bidang yang anda minati bagi mengharumkan nama Malaysia?

A. Malaysia telah mencipta nama di persada dunia dalam pelbagai bidang. Pencapaian ini akan meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap Malaysia.

1. Senaraikan kejayaan Malaysia di persada dunia dalam bidang yang berikut:

Bidang	Kejayaan
Sukan	 _____
Seni dan Kebudayaan	 _____
Pendidikan	 _____

2. Kumpulkan bahan berkaitan dengan kejayaan Malaysia dalam bidang tersebut dan hasilkan buku skrap secara kreatif.
3. Pamerkan buku skrap anda di pusat sumber sekolah.



B. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam usaha memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk membentuk modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran.

1. Hasilkan satu produk atau perkhidmatan berdasarkan bidang kemahiran anda di sekolah.
2. Buat pameran mini untuk mempamerkan reka bentuk produk atau perkhidmatan anda.

A. Jawab soalan yang berikut.

AUTOMOTIF

PERUBATAN

SUKAN

**TENAGA
MAHIR**

KEJURUTERAAN

**PENGANGKUTAN
AWAM**



1. Nyatakan kefahaman anda tentang Malaysia di persada dunia.
 2. Jelaskan kepentingan rakyat Malaysia mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.
 3. Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan cara anda dapat mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.
 4. Berdasarkan pengetahuan anda, adakah Malaysia sudah berada di persada dunia? Jelaskannya dengan bukti.
- B. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha untuk menjadikan universiti awam Malaysia berada dalam kedudukan 100 terbaik dunia.
1. Nyatakan kepentingan pengiktirafan universiti awam ini di persada dunia.
 2. Bagaimanakah pengiktirafan tersebut dapat meningkatkan imej pendidikan di Malaysia?
 3. Pengiktirafan ini dapat memajukan ekonomi Malaysia. Jelaskan.
- C. Malaysia sedang berusaha untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Bincangkan peranan anda untuk merealisasikannya.

Dalam unit ini, murid dapat:

- memberikan maksud hubungan antarabangsa.
- menjelaskan dengan contoh hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar.
- menghuraikan kepentingan mengekalkan hubungan Malaysia dengan negara luar.
- mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam usaha mengekalkan hubungan antarabangsa.
- mengamalkan kerjasama untuk mengekalkan hubungan antarabangsa dalam kehidupan harian.

Kerjasama antarabangsa penting
untuk kemakmuran negara.



The Commonwealth



Cadangan Nilai

- Bertanggungjawab
- Hormat
- Kerjasama
- Keberanian



Hubungan antarabangsa bermaksud kerjasama antara satu negara dengan negara lain di dunia. Hubungan antarabangsa yang terjalin telah membentuk kerjasama dua hala dan hubungan pelbagai hala. Malaysia juga turut menjadi anggota beberapa pertubuhan antarabangsa.

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)

Malaysia menyokong PBB dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia.



KOMANWEL

Malaysia berperanan untuk mengekalkan keamanan serta keselamatan global dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial.



PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM)

Malaysia memperjuangkan rasa hormat dan integriti semua negara.




Contoh Hubungan Dua Hala dan Hubungan Pelbagai Hala

PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)

Malaysia bekerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.





HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA

Kedua-dua negara menjalinkan hubungan ekonomi. China menjadi salah satu rakan dagangan terbesar Malaysia.



HUBUNGAN MALAYSIA-INDIA

Malaysia terlibat dalam sektor pembinaan dan kesihatan di India.



HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN

Kedua-dua negara bekerjasama dalam aspek latihan dan pendidikan untuk memajukan bidang perdagangan dan pelaburan.



HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA

Kedua-dua negara bekerjasama dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan sosial.

Hubungan Malaysia dengan negara-negara luar perlu dikekalkan. Hubungan yang rapat ini banyak memberikan manfaat kepada negara dalam pelbagai bidang.

**Kepentingan
Mengekalkan
Hubungan Malaysia
dengan Negara Luar**

Meningkatkan imej negara pada peringkat antarabangsa

- Dihormati dan disegani oleh pemimpin negara lain
- Kepimpinan Malaysia akan lebih dikenali di seluruh dunia

Mengeratkan hubungan diplomatik

- Pemudah cara dalam menyelesaikan isu yang melibatkan hubungan dua hala
- Meningkatkan kerjasama dalam pelbagai sektor antara dua negara

Memelihara keamanan dunia

- Menyelesaikan konflik dengan cara yang harmoni
- Penglibatan bersama dalam usaha menangani isu jenayah

Meningkatkan ekonomi negara

- Menarik pelabur asing melabur di Malaysia
- Meluaskan perkhidmatan dan pasaran barangan buatan Malaysia

Sebagai rakyat, kita seharusnya berasa bangga dan gembira kerana dapat memberikan sokongan dan kerjasama kepada negara untuk mengekalkan hubungan antarabangsa yang baik. Kerjasama yang boleh dilaksanakan termasuklah menyertai program pertukaran pelajar antara negara, mewakili negara dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan menyertai program pertukaran budaya antara negara.

A. Pernyataan yang berikut berkaitan dengan kerjasama ekonomi Malaysia dengan negara luar.



Banyak manfaat yang diperoleh Malaysia dalam menjalankan kerjasama ekonomi dengan negara lain. Kemahiran tenaga kerja asing juga memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara.

Kerajaan Malaysia membenarkan pengambilan pekerja asing dalam enam sektor, iaitu:

- perkilangan
- perladangan
- pertanian
- pembinaan
- perlombongan dan pengkuarian
- perkhidmatan



(Sumber: Kementerian Dalam Negeri)

1. Senaraikan nama negara yang membekalkan tenaga kerja kepada Malaysia.
2. Huraikan kepentingan kemahiran pekerja asing dalam pembangunan negara.
3. Pada pendapat anda, wajarkah pengambilan pekerja asing diteruskan? Berikan justifikasi anda.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila melihat hubungan dua hala yang baik dalam pelbagai sektor antara Malaysia dengan negara lain?



Kedatangan pekerja asing ke negara Malaysia dikatakan telah menggugat peluang pekerjaan masyarakat tempatan. Berikan ulasan anda.

B. Rajah yang berikut menunjukkan bencana alam yang berlaku di negara jiran.



1. Berdasarkan rajah di atas, bincangkan peranan Malaysia sebagai negara jiran.
2. Jelaskan perasaan anda mengenai peranan yang dilakukan oleh Malaysia.
3. Pada pendapat anda, mengapakah negara yang ditimpa bencana alam memerlukan pertolongan?
4. Seandainya anda terlibat dalam pasukan sukarelawan, bagaimanakah anda dapat membantu mangsa bencana alam tersebut?



Pasukan
Sukarelawan
Bantuan
Kemanusiaan

A. Penyataan di bawah berkaitan dengan peranan Malaysia sebagai hub pendidikan global.

Kerajaan Arab Saudi telah bersetuju menandatangani satu memorandum persefahaman atau Memorandum of Understanding (MoU) dengan kerajaan Malaysia berkaitan dengan isu pendidikan. Malaysia juga turut menandatangani memorandum persefahaman dengan negara Senegal dan Turki. Memorandum persefahaman ini penting kerana dapat memperkasakan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 6 Mei 2017)

1. Nyatakan perasaan anda apabila membaca penyataan di atas.
2. Pada pendapat anda, mengapakah negara-negara di atas ingin menjalinkan kerjasama pendidikan dengan Malaysia?
3. Memorandum yang ditandatangani dapat memperkasakan kerjasama dalam pendidikan tinggi. Berikan penjelasan.
4. Secara berkumpulan, bincangkan hala tuju murid setelah tamat persekolahan.



Pelajar dari luar negara memilih untuk menyambung pengajian di pusat pengajian tinggi di Malaysia kerana kos yang rendah, pendidikan yang berkualiti, bahasa pengantar dan keselesaan kebudayaan. Setujukah anda dengan penyataan ini? Berikan justifikasi anda.

B. Maklumat di bawah berkaitan dengan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik - Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)



- APEC telah ditubuhkan pada tahun 1989
- Dianggotai oleh 21 buah negara termasuk Malaysia
- Menjadi medan perundingan dan kerjasama ekonomi dalam kalangan negara rantau Asia Pasifik

KUALA LUMPUR: Penganjuran Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) oleh Malaysia akan meletakkan Malaysia pada jajaran yang betul sebagai sebuah negara perdagangan yang signifikan serta berpotensi untuk meluaskan segmen perniagaan Malaysia sehingga merentasi sempadan, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 2 Ogos 2019)

Secara berpasangan, jawab soalan yang diberikan.

1. Senaraikan negara yang terlibat dalam APEC.
2. Bincangkan kepentingan kerjasama Malaysia dalam APEC.
3. Laksanakan simulasi temu ramah di dalam kelas mengenai kepentingan kerjasama Malaysia dalam APEC.
4. Seandainya anda terpilih mewakili negara dalam persidangan APEC, apakah resolusi yang akan anda bantah dalam sidang tersebut?



A. Teliti peta di bawah.



Negara-negara ASEAN

Malaysia

Indonesia

Myanmar

Filipina

Vietnam

Laos

Brunei

Kemboja

Singapura

Thailand

1. Secara berkumpulan, lekatkan label nama negara-negara anggota ASEAN pada peta.
2. Dalam kumpulan, bincangkan tujuan penubuhan ASEAN dan peranan Malaysia sebagai anggota ASEAN. Bentangkan hasil dapatan anda secara kreatif.



Peta ASEAN

B. Kumpulkan artikel akhbar tentang hubungan dua hala Malaysia dengan negara lain dalam pelbagai bidang.



1. Secara berkumpulan, cari maklumat tentang kerjasama Malaysia dengan negara lain dalam tiga bidang di bawah.


Politik

Ekonomi

Sosial

2. Pamerkan maklumat kerjasama dalam ketiga-tiga bidang tersebut pada kertas sebak.
3. Kongsikan maklumat dan nilai yang diperoleh melalui kaedah jelajah galeri.

Lengkapkan teka silang kata yang berkaitan dengan Malaysia dalam hubungan antarabangsa.



MENEGAK

1. Negara telah berjaya meningkatkan _____ di persada dunia.
2. Salah sebuah negara yang membekalkan tenaga kerja kepada Malaysia.
4. Pertubuhan di Asia Tenggara.
5. Kedatangan pelabur asing dapat meningkatkan _____ negara.
8. Kerjasama antarabangsa memberikan banyak _____.

MELINTANG

3. Hubungan antarabangsa yang kukuh dapat menjaga _____ dunia.
6. Rakyat berasa _____ akan pencapaian negara.
7. Kerjasama terjalin dalam bidang ekonomi, politik dan _____.
9. Malaysia pernah menjadi tuan rumah _____ ketua-ketua kerajaan Komanwel.
10. Rakyat bertanggungjawab memberikan _____ kepada dasar luar negara.
11. Hubungan dan kerjasama ini perlu diteruskan demi _____ bersama.

GLOSARI

anggaran perhitungan atau perkiraan secara kasar.

bebanan hutang memikul hutang yang banyak.

bertimbang rasa mengambil kira perasaan dan keperluan orang lain.

cakna ambil peduli.

dua hala dua arah.

empati daya mengalami dan memahami perasaan atau emosi orang lain.

hub pusat kegiatan.

interaksi positif berhubung dengan secara baik.

kelangsungan hidup meneruskan kehidupan.

kualiti diri tahap kecemerlangan diri.

memorandum catatan atau peringatan.

mempertingkatkan menjadikan hebat.

menabung menyimpan wang.

misi tugas khusus yang merupakan tanggungjawab bagi seseorang atau sesuatu kumpulan.

pemudah cara pihak yang memudahkan sesuatu tindakan atau proses.

penyayang orang yang bersifat sangat menyayangi.

peribadi sifat atau sikap seseorang yang sudah sehati dengan diri.

promosi usaha atau kegiatan untuk meningkatkan jualan barang.

provokasi perbuatan atau kata-kata yang membangkitkan kemarahan.

sejagat seluruh dunia, antarabangsa.

simpati perasaan belas kasihan.

sistem siber-fizikal sistem holon yang terdiri daripada “entiti fizikal” dan “cyber-twin” yang bersambung bersama-sama.

stabil kuat, mantap, tetap, tidak berubah.

suci murni, bersih.

visi tanggapan dan pandangan yang jauh dan mendalam, terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan masa depan.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli, 2015. *Perlembagaan Malaysia, Isu dan Persoalan Perhubungan Kaum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Pabil Adam, Barathi a/p Santhasaran, Vijayaletmy a/p Miniandy, 2019. *Pendidikan Moral Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Ahmad, Redzuan Amin, 2015. *Amalan Menyimpan dan Melabur Wang*. Seri Kembangan: Pustaka Dasar Jaya Sdn. Bhd.
- Noor Azam Abdul Rahman, "Remaja dan Kepentingan Pengurusan Wang" dalam *Dewan Siswa* 11:2018, halaman. 6-13, 2018.
- Amirah Syazwani Baderol Sham, "Suburkan Semangat Kesukarelawanan dalam Kalangan Belia" dalam *Dewan Siswa* 5:2019, halaman. 6-9, 2019.
- Fathi Yusuf, 2016. *Teknologi Maklumat dan Hak Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Mohd Yusof, 2010. *Rancang Hidup Rancang Wang*. Kuala Lumpur: Imelda Production.
- Jurnal Perpaduan*, 2019. Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (Jabatan Perdana Menteri) Putrajaya.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019. *Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017. *Perpaduan Asas Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013. *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2017. *Keperluan Tenaga Kerja Mahir*. Putrajaya: Kementerian Komunikasi dan Multimedia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018. *Pemupukan Integriti dalam Pendidikan. Buletin Integriti Siri 3 Tahun 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maslin Masro, Wan Normeza Wan Zakaria, 2018. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Gunakan Secara Sihat dan Selamat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nor Anuar, 2015. *Sinergogi Bina Upaya Insan Global Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azilawati Mohd Sabda, 2003. *Merancang Perbelanjaan Bijak*. Petaling Jaya: Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
- Noura Syifa, Suharni Supaat, 2005. *Kehidupan Ideal*. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise.
- Perpaduan Asas Pembangunan Negara*. 2017. Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Ratnaria Wahid, Rusdi Omar, Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, 2018. *Malaysia di Persada Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Ishak, 2019. *Amalan Terbaik Organisasi Pembelajaran di Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suresh Kumar N Vellymalay, 2017. *Hubungan Etnik di Sekolah, Mempertingkatkan Kesepaduan dalam Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat, Sangeetajit Kaur Jag Singh, Chua Chu Tee, 2014. *Cabaran Remaja Membina Integriti Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Ismail, Khayati Ibrahim, 2003. *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia Tinjauan Menyeluruh*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.

LAMAN SESAWANG

1. <https://www.mercy.org.my/about-us/our-history/> (dicapai pada 7 Jun 2020)
2. <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/kdn1/dir-kdn/153-bahagian-pengurusan-pekerja-asing/> (dicapai pada 4 Julai 2020)

INDEKS

- agama 28, 29, 36
amal 28, 31, 37
bantuan 66, 68–70, 75
belanjawan 108
berakhlak mulia 28
beretika 102, 103
berkala 103, 104
berperikemanusiaan 66–68, 73
glokal 14–25
hidupan liar 34, 75
hubungan 126–129, 134, 135
hutang 103, 104
integriti 52–59, 61–63
keamanan 126
kepentingan 128, 132
kerjasama 126–127, 129, 134
kerohanian 28–30
kewangan 104, 107
konflik 128
sejagat 64, 66–68
menabung 106
mengurus 102, 104, 105
perpaduan 88–99
persada 112–114, 117, 120, 122, 123
pertubuhan 126
positif 28, 32
seimbang 30
sukarelawan 66, 70, 74
sumbangan 69

JAWAPAN

